



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

Jilid III

Bil. 22

Hari Rabu

20hb Disember, 1989

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1990

(Ruangan 37)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 20hb Disember, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif.

Dato' Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Tuan Yang di-Pertua, sebelum soalan ini dijawab, saya ingin buat pindaan di barisan kedua, akhir iaitu sehingga 31.12.1988, bukan 1989. Dan dengan ini, soalan yang pertama, Tuan Yang di-Pertua.

KADAR BAYARAN ELEKTRIK - MENURUNKAN

1. Dato' Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menurunkan kadar bayaran elektrik dan telefon yang dikenakan kepada orang ramai memandangkan kedua-dua perkhidmatan ini mendapat keuntungan yang besar. Berapakah jumlah pertaruhan pelanggan tersimpan di Lembaga Letrik Negara dan Syarikat Telekom Malaysia sehingga 31.12.1988. Adakah Kerajaan bercadang membayar faedah atas wang cagaran mereka.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Tuan Abdul Ghani bin Othman]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang berhasrat untuk menurunkan kadar bayaran elektrik. Sebagai langkah jangka masa pendek, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos bercadang untuk mengagihkan faedah dan juga keuntungan Lembaga Letrik Negara kepada pengguna domestik, institusi-institusi kebajikan dan juga perdagangan. Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telahpun menerima cadangan untuk menurunkan bayaran elektrik ini daripada Lembaga Letrik Negara dan keputusannya akan dibuat oleh Kementerian secepat mungkin.

Dalam jangka masa yang panjang, Kementerian sedang merancang secara menyeluruh untuk menentukan hubungan di antara kos penjanaan dan aktiviti ekonomi negara dan implikasi penswastan LLN ke atas kadar bayaran. Oleh itu, kajian tarif yang menyeluruh akan dilaksanakan terlebih dahulu sebelum sebarang cadangan jangka masa panjang dapat dilakukan.

Bagi perkhidmatan telefon, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menurunkan kadar bayarannya. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengarahkan Syarikat Telekom Malaysia untuk mengkaji kos dan faedah menurunkan kadar sewa telefon terutama sekali di kawasan luar bandar.

Mengenai jumlah pertaruhan yang tersimpan di Syarikat Telekom Malaysia dan Lembaga Elektrik Negara, angka-angkanya adalah seperti berikut. Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab mengikut soalan asal, iaitu tahun 1989.

Deposit

Lembaga Elektrik Negara: \$371.4 juta (sehingga 31.8.1989)

Syarikat Telekom Malaysia: \$269.1 juta (sehingga 31.6.1989)

Kerajaan tidak bercadang untuk meminta kedua agensi membayar faedah ke atas wang cagaran ini kerana utiliti telahpun memberikan kemudahan kewangan tanpa faedah untuk tempoh tiga bulan bagi semua bil pengguna.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin buat soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan bil telefon, selain daripada bayaran sewa panggilan yang

kita buat, saya nampak ada perbezaan sewa bulanan, ada yang \$17.00, ada yang \$40.00. Saya hendak bertanya kalau seseorang itu telah mengguna telefon selama 10 atau 20 tahun, dia masih kekal lagi dengan bayaran \$17,00, tidakkah Jabatan Telekom cuba menghapuskan bayaran ini, kerana memandangkan daripada harga alat telefon itu sahaja, saya rasa takkanlah semahal itu kalau dicampur daripada mula dia dapat telefon sampai berpuluh-puluh tahun. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada perbezaan di antara bayaran penggunaan dengan bayaran sewaan bulanan. Sewaan bulanan adalah berdasarkan kepada jarak telefon tersebut daripada ibu sawat. Jika sekiranya telefon tersebut tidak melebihi daripada 4 kilometer daripada ibu sawat, maka sewaan bulanan adalah \$10.00. Jika sekiranya lebih daripada 4 kilometer, ianya bertambah dengan andaian bahawa lebih jauh telefon tersebut, maka lebih banyak kos pelaburan untuk sampai kepada lokasi telefon tersebut. Maka di sini wujud perbezaan sewaan bulanan. Kalau kita lihat sewa di luar bandar agak begitu tinggi hingga menidakkan kemampuan masyarakat luar bandar untuk menggunakan telefon. Oleh yang demikian; pihak Kementerian sudahpun mengarahkan STM untuk mengkaji dari segi kos dan faedah jika sekiranya perbezaan sewaan bulanan itu dihapuskan supaya masyarakat luar bandar, khususnya yang jauh daripada ibu sawat juga diberi kesempatan untuk sewaan paling rendah mungkin seperti yang dinikmati oleh masyarakat bandar.

PUSAT ISLAM - PERUNTUKAN

2. Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Menteri Kewangan memberi peruntukan yang mencukupi kepada Pusat Islam Jabatan Perdana Menteri untuk kegiatan dakwah Islamiah yang menyeluruh sebagai menyekat perkembangan maksiat di kalangan rakyat yang beragama Islam, dengan mengadakan aktiviti-aktiviti agama yang berterusan ke arah pencapaian Penerapan nilai-nilai Islam.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, kegiatan dakwah Islamiah yang termasuk di dalamnya pengertian menyebarkan agama Islam dan mencegah kemungkaran adalah terletak di bawah bidangkuasa Majlis-majlis Agama Islam Negeri seperti termaktub di dalam Perlembagana Persekutuan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan telah memberikan peruntukan-peruntukan yang mencukupi kepada agensi-agensi yang terlibat berdasarkan perancangan yang dibuat bagi meningkatkan kegiatan-kegiatan dakwah Islamiah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Pusat juga memberi bantuan kewangan sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada Yayasan Islam seperti Yayasan Dakwah Islamiah serta kepada pihak-pihak berkuasa Agama Islam Negeri bagi maksud membantu pentadbiran Agama Islam di Negeri dan juga bagi membina masjid-masjid dan surau-sarau. Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pendidikan juga memberikan bantuan memperkembangkan ajaran agama Islam di sekolah-sekolah, maktab-maktab dan juga di institusi-institusi pengajian tinggi di negara kita.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Perbuatan maksiat khususnya khalwat di kalangan orang-orang muda di Pulau Pinang ini bertambah-tambah dan berleluasa sekarang. Apabila hal ini dibawa untuk makluman Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, jawapannya senang sahaja - kurang peruntukan, kurang penguatkuasaan. Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan tidakkah Kerajaan Pusat bercadang menambahkan peruntukan kepada Jabatan Agama Negeri di Semenanjung Malaysia ini.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Kerajaan sentiasa menambahkan peruntukan bagi Hal Ehwal Agama Islam ini. Misalnya bagi tahun 1988, Kerajaan telahpun memperuntukkan \$18,425,300. Pada tahun 1989 - \$19,342,200 dan tahun 1990 \$41.8 juta. Ini peningkatan yang diberikan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, insya Allah, akan disalurkan kepada semua Jabatan Agama Islam Negeri untuk pertimbangan.

Puan Hajjah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat yang berkenaan di dalam mengadakan aktiviti-aktiviti agama yang berterusan ke arah pencapaian penerapan nilai-nilai Islam, adakah kelas-kelas agama di pejabat-pejabat Kerajaan ataupun swasta berlaku sekarang pada hujung minggu? Terima kasih.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya terdapat Jabatan-jabatan Kerajaan dengan daya usaha sendiri telahpun menjalankan kegiatan-kegiatan ini, terutamanya di Jabatan-jabatan

yang saya difahamkan di Kuala Lumpur, banyak mengadakan kelas-kelas agama Islam di Kementerian-kementerian masing-masing ataupun Jabatan-jabatan masing-masing pada hujung minggu. Dan sememangnya Kerajaan memberikan galakan atas daya usaha Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian untuk mengadakan kelas-kelas dan usaha-usaha untuk menerapkan lagi untuk mempertingkatkan lagi penerapan Islam kepada Jabatan-jabatan Kerajaan.

NAHAS HELIKOPTER NURI

3. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Pertahanan menyatakan manganai sebab nahas Helikopter Nuri yang telah mengorbankan 21 orang baru-baru ini di antara sempadan Perak-Kelantan, adakah berbentuk jenayah di atas nahas Nuri tersebut atau sebaliknya, dan berapa banyakkah pampasan telah dikeluarkan kepada keluarga yang malang itu?

21.12.89

25. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah punca sebenar yang menyebabkan Helikopter Nuri jatuh terhempas di sempadan Perak dengan Kelantan pada 11hb November, 1989 yang lalu dan telah mengorbankan kesamua sekali penumpang-penuinangnya.

27,12.89

5. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah sebab-sebab sebenar berlakunya kemalangan helikopter Nuri di sempadan Perak/Kelantan baru-baru ini. Adakah pihak Kementerian Pertahanan sedar bahawa dikatakan antara salah satu sebabnya ialah jumlah penumpang yang melebihi kemampuan helikopter berkenaan.

40. Tuan G. Rajoo minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) punca-punca nahas helikopter Nuri yang terhempas mengorbankan 21 nyawa di perak baru-baru ini;
- (b) sama ada Kerajaan telah membuat kajian tentang keutuhan dan kekuatan helikopter jenis Nuri ini, dan apakah hasilnya; dan
- (c) sama ada Kerajaan bercadang menggantikan helikopter jenis Nuri ini dengan helikopter yang lebih sophistikated bagi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Menteri Pertahanan [Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haji:

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan Ini bersekali dengan soalan-soalan daripada Ahli Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya, Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Jendol dan Yang Berhormat Tuan G. Rajoo yang dijadualkan pada 21hb dan 27hb Disember, 1989 kerana masing-masing bertanya perkara yang sama.

Punca nahas helikopter Nuri tersebut masih sedang diselidikan oleh Lembaga Penyiasatan yang telah ditubuhkan oleh pihak TUDM. Lembaga Penyiasatan masih menunggu laporan analisa dari Airod Sdn. Bhd. dan Pusat Sains dan Teknologi Pertahanan.

Adalah terlalu awal untuk Kementerian memberi sebarang komen tentang punca kemalangan tersebut sebelum Lembaga ini membuat perakuan-perakuannya. Walau bagaimanapun, mengikut laporan dari Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia, telah mengesahkan bahawa kemalangan tersebut bukanlah disebabkan jenayah atau perbuatan pengganas komunis kerana kawasan yang terlibat itu tidak ada pergerakan komunis.

Berkaitan dengan bayaran pampasan setakat ini, bayaran sebanyak \$15,000 bagi setiap seorang yang telah dibuat kepada balu atau waris mangsa kemalangan daripada Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara. Bayaran kemalangan udara (Ex-Gratia) pula masih dalam proses. Bayaran ini akan dibuat oleh pihak Perbendaharaan melalui Kementerian Pertahanan. Jumlah pembayaran adalah mengikut formula 36 bulan x gaji pokok terakhir mangsa nahas. Bayaran dibuat secara sekali gus. Ganjaran dan pencen akan dibayar mengikut peraturan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberikan contoh seperti Captain James Tinggan. Isterinya yang bernama Puan Rosemary Rosalind adalah diberikan hadiah pengkabumian sebanyak \$200, derma daripada Pertahanan Negara - \$15,000, derma daripada Tabung Kebajikan TUDM - \$500, derma daripada BAKTI - \$1,000, derma daripada BAKAT Udara iaitu Kumpulan Isteri-isteri dan Pegawai-pegawai Tentera Udara iaitu insurans sebanyak \$200 ini dan insurans Kelompok Koperasi Tentera - \$114,500. Ex-gratia diberikan \$32,634.00 iaitu sebanyak 70% kepada isterinya dan kepada bapanya \$13,986 dan ganjaran perkhidmatan sebanyak \$8,581.30 kepada Isterinya dan juga \$3,677.30 kepada bapanya; dan pencen bulanan \$389.90 kepada isterinya dan \$167.10 kepada bapanya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keutuhan dan kekuatan helikopter Nuri, Kerajaan telah membuat kajian semasa membelikannya dahulu, hasil kajian tersebut didapati bahawa helikopter ini memenuhi keperluan TUDM dari segi keutuhan dan kekuatannya. Tindakan dan langkah pencegahan dari segi keselamatan penerbangan. sentiasa dititikberatkan oleh TUDM. TUDM amat peka bukan sahaja kepada sebarang perakuan Lembaga Penyiasatan tetapi juga kepada saluran-saluran keselamatan penerbangan yang ada bagi mencegah kemalangan. Kempen-kempen keselamatan penerbangan serta langkah-langkah yang tertentu sentiasa diambil dengan secara aktif.

Walau bagaimanapun, kita hanya dapat berusaha untuk mengelakkan terjadinya kemalangan-kemalangan pesawat tersebut. Sesuatu pesawat itu mempunyai sistem yang begitu kompleks yang mana beratus bahagian dari pesawat-pesawat tersebut selain dari faktor alain sekitar boleh menyebabkan terjadinya sesuatu kemalangan udara. Kita harus sedar bahawa adanya kemungkinan-kemungkinan di luar dugaan anggota-anggota tentera udara kita bagi terjadinya sesuatu kemalangan.

Ekoran daripada kejadian nahas pada 18hb Disember, semua perkhidmatan pesawat NURI akan diberhentikan buat sementara waktu untuk pemeriksaan terhadap keselamatan pesawat tersebut. Buat masa ini, Kementerian Pertahanan masih belum bercadang untuk menggantikan helikopter NURI kepada yang lain.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Saya ucapkan simpatilah, khasnya mereka yang terkorban baru-baru ini seramai 16 orang kepada keluarganya, kami mengucapkan takziah dan Dewan ini pun telah menghantar takziah kepada keluarganya. Cuma saya ingin hendak tahu daripada Yang Berhormat. Sebelum itu saya ingin membuat satu teguran. Kalau di negara-negara luar, peristiwa-peristiwa ini berlaku, Menteri yang bertanggungjawab sudah tentu letak jawatan, tetapi oleh kerana negara kita ini adalah sebagai negara yang agama Islam Uagama Rasmi, kita percaya berlakunya peristiwa itu adalah sebagai suratan. Dan kami hanya minta Yang Berhormat tabah dan teruskan perjuangan ini kerana peristiwa ini tidaklah Menteri harus dipersalahkan kerana ini adalah suratan.

Cuma saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, kalau kita hanya menyerah kepada suratan sahaja tanpa berusaha sudah tentu tidak boleh jadi. Adakah rancangan dan usaha daripada Kementerian Yang Berhormat sendiri ataupun Kerajaan supaya menjual semua helikopter-helikopter yang telah lebih berumur 15 tahun dan membeli helikopter yang baru supaya sekurang-kurangnya dapat kita mengelakkan selalu berlakunya peristiwa-peristiwa macam mana yang berlaku di Sarawak?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj : Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. di atas pandangan daripada Yang Berhormat tadi yang mana Menteri tidak perlu dipersalahkan dan juga di atas nasihat supaya saya masih lagi tabah dan kuat dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.

Seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi, pesawat helikopter ini dinamakan -"Nuri" ataupun dahulu nananya ' Sikorsky '. kita tukar nama itu kepada Nuri. Oleh sebab pesawat-pesawat kita ini mengikut nama burung maka ia dinamakan "Nuri". Ini adalah disifatkan satu pesawat yang boleh dikatakan terbaik sekali di dalam dunia dari segi helikopter yang boleh membawa kerja-kerja dan Tugas-tugas yang boleh diakui bukan sahaja di negara kita Malaysia tetapi juga di- negara-negara lain yang menggunakan pesawat helikopter Nuri **ini**. Ini adalah disifatkan sebagai dengan izin, 'a real work horse', di dalam TUDM. Kita di TUDM ini sentiasa menerima pandangan-pandangan dan jikalau perlu kita gantikan..

Pada fikiran kita, buat masa sekarang ini nampaknya oleh sebab kita sentiasa membuat maintenance dan sebagainya maka kita tidak begitu perlu membeli yang baru. Tetapi sekiranya kita ada kewangan yang melebihi ataupun dari segi kewangan kita ada kemampuan, maka saya rasa itu adalah baik juga kita membeli yang baru untuk menambah pesawat helikopter Nuri ini di dalam fleet TUDM kita. Jadi, saya mengambil perhatian di atas pandangan-pandangan Yang Berhormat tadi dan sekiranya perlu maka kita pergilah ke pihak Kerajaan memohon wang untuk membeli yang baru.

KILANG MEMPROSES KOKO

4. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak mendirikan kilang-kilang untuk menghasilkan coklat dan barangan-barangan yang mengandungi bahan coklat demi untuk menjamin penanam koko tidak akan manghadapi kesulitan samasa harga koko turun, misalnya padi, harga minimumnya adalah terjamin.

Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memajukan industri koko termasuk menggalakkan pembinaan kilang-kilang untuk memproses koko dalam negeri dengan menggunakan biji koko tempatan dan seterusnya mengeksport produk koko yang mempunyai nilai tokok (value added). Dengan demikian, pasaran bagi biji koko tempatan akan terjamin. Namun demikian, harga biji koko tempatan adalah dipengaruhi oleh harga di pasaran antarabangsa yang bergantung kepada keadaan penawaran dan permintaan biji koko di pasaran dunia. Buat masa ini, harga koko mengalami kejatuhan kerana penawaran melebihi permintaan sejak beberapa tahun kebelakangan ini,

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, mungkin soalan saya ini agaknya untuk jangka masa panjang dan bukan untuk jangkamasa pendek. Apakah merupakan potensi koko sebagai barangan utama ataupun komoditi utama yang boleh kita keluarkan di negara ini, maksud saya untuk jangka panjang kerana untuk jangka pendek dikatakan tadi harganya telahpun jatuh? Tetapi dari segi jangka panjang kemungkinan harganya naik dan apakah merupakan potensi koko sebagai barangan utama bagi negara ini dan apakah pula merupakan rancangan-rancangan penyelidikan dan pembangunan atau, dengan izin, research and development, yang akan dilakukan untuk kemajuan koko ini?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, walaupun harga biji koko adalah di paras yang sangat rendah pada masa sekarang, nampak saya koko yang ditanamkan di Malaysia ada harapan yang baik di satu masa jangka panjang. Sebab koko yang ditanam di Malaysia adalah dari ladang-ladang besar dan juga dari pekebun-pekebun yang menanam dengan cara campur-campuran dengan tanaman-tanaman lain. Umpamanya di ladang-ladang yang besar di mana koko ditanam secara campuran dengan getah asli atau dengan kelapa sawit. Walaupun harganya adalah rendah, dengan cross subsidy, kita boleh kata boleh hidup lagilah. Di kalangan pekebun-pekebun kecil pun serupa. Ramai pekebun-pekebun kecil menanam koko dengan kelapa dan tanaman-tanaman lain.. Walaupun harganya adalah di paras yang rendah, tetapi jika dibandingkan dengan negara-negara pengeluar utama seperti di Ivory Coast, Ghana, Brazil atau di mana pekeburn-pekebun kecil hanya menanam koko sahaja, dengan harga koko yang ada sekarang, saya ingat kebanyakan negara itu tidak boleh tahan lagi, Kita haruslah sabar sehingga stok yang berlebihan itu dikurangkan atau sehingga satu tahap yang mana permintaan dan penawaran adalah sama dan barangkali pada masa itu harga koko akan naik balik sehingga ke satu tahap yang boleh dikatakan berpatutan.

SEKOLAH PERSENDIRIAN/SEKOLAH AGAMA RAKYAT

5. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan sekolah-sekolah persendirian termasuk sekolah-sekolah 'pondok' yang terdapat di seluruh negara serta jumlah pelajar-pelajarnya mengikut negeri-negeri; dan

- (b) apakah bidangkuasa Kementerian bagi menentukan kemudahan, keseragaman sukatan pelajaran, keselamatan pelajar dan mutu pendidikan yang diterima oleh pelajar-pelajar di sekolah-sekolah tersebut.

Menteri Pendidikan [Tuan Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rakod di Kementerian Pendidikan, bilangan sekolah-sekolah swasta (Persendirian) di seluruh negara ialah sebanyak 1,067 buah. Bilangan Sekolah-sekolah Agama Rakyat (sekolah pondok) ialah 950 buah. Bilangan sekolah dan murid-murid bagi sekolah agama yang berkenaan mengikut negeri - ini adalah panjang, Tuan Yang di-Pertua dan saya ingat saya boleh edarkanlah - Perlis sampai Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak sekali, bilangan sekolah ialah 950 dan bilangan murid ialah 178,714.

Sekolah-sekolah Agama Rakyat adalah berdaftar dan di bawah bidangkuasa Jabatan Agama Islam Negeri-negeri. Oleh itu, Kementerian Pendidikan tidak mempunyai sebarang kuasa dalam menentukan kemudahan, keseragaman sukatan pelajaran, keselamatan pelajar, mutu pendidikan dan lain-lain. Tanggungjawab menyediakan kemudahan terletak di bawah tanggungjawab sekolah-sekolah tersebut atau di bawah pengawasan Jabatan Agama Islam Negeri masing-masing.

Kelemahan ataupun kekurangan bagi Sekolah-sekolah Agama Rakyat itu memang disedari. Untuk mengurangkan masalah tersebut, Kementerian memang memberikan beberapa bentuk bantuan termasuk bantuan tahunan per kapita. Bantuan per kapita yang disumbangkan pada tahun 1989 unpananya berjumlah S7.1 juta dan ini tidaklah termasuk bantuan pembangunan lain yang dibuat dari masa ke semasa berdasarkan permohonan yang dibangkitkan.

Selain dari itu kursus pentadbiran, pengurusan kepada Pengetua dan Guru Besar, Guru Penolong Kanan atau kursus-kursus kaedah pengajaran dan pembelajaran kepada guru-guru termasuk guru bahasa Arab juga diberikan oleh Kementerian Pendidikan.

Tuan Haji Ibrahim bin Jendol: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa Kementerian tidak mempunyai bidang kuasa apa-apa pun dari sekolah-sekolah persendirian. Saya ingin tahu sama ada Kementerian ingin ataupun berhasrat untuk memastikan supaya terdapat kuasa Kementerian terhadap sekolah-sekolah persendirian ini sebagai suatu usaha untuk mengawal apa-apa penyelewengan yang mungkin berlaku.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, bidang kuasa bagi sekolah persendirian akademik memang ada, yang tidak ada ialah bidangkuasa ke atas sekolah-sekolah agama. Tetapi ada sedikit kekeliruan yang berlaku kerana sekolah-sekolah agama juga menguruskan kerja-kerja ataupun kegiatan dalam sukatan akademik dan banyak yang cuba lari dari pendaftaran dengan menamakan sekolah sebagai sekolah agama dan menjalankan beberapa kursus akademik. Perkara ini turut diteliti tatkala kita menggubal Akta Pendidikan yang baru dan saya kira sebahagian dari pengawasan perlu wujud, tetapi ini tidak boleh melibatkan bidangkuasa Negeri khususnya Jabatan Agama Negeri yang telah jelas dalam peruntukan Perlembagaan.

Tuan Lau Keng Siong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan adakah rancangan untuk memberi bantuan kepada sekolah-sekolah persendirian di seluruh

negara kita ini?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, bukan lagi rancangan, bantuan ini terus diadakan dan dari masa ke semasa seperti mafia yang kita boleh tunjukkan dalam rekod-rekod peruntukan itu ditambah. Cuma status sekolah persendirian tidak boleh disamakan dengan sekolah Kerajaan. Kita mempunyai tanggungjawab secara langsung menentukan bahawa sekolah-sekolah Kerajaan dari pelbagai aliran, kebangsaan, sekolah rendah Cina atau Tamil atau bahkan sekolah menengah agama yang di bawah pengawasan Kerajaan diberikan keutamaan dan kemudahan secukupnya. Di samping itu, peruntukan juga diberikan bagi sekolah persendirian. Yang ingin saya jelaskan ialah bahawa status sekolah-sekolah persendirian itu tidak boleh disamakan dengan sekolah Kerajaan dan peruntukan yang diberikan tentunya lebih kecil dari peruntukan kepada sekolah-sekolah Kerajaan,

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, saya kira apa yang dimaksudkan dengan sekolah-sekolah persendirian ini ialah sekolah swasta. Jadi, saya ingin sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, saya dimaklumkan bahawa sekolah-sekolah persendirian ataupun sekolah swasta ini ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, sedangkan peranan Kementrian Pendidikan hanya sekadar meluluskan pendaftarannya sebelum sekolah itu boleh menjalankan urusannya,

Jadi, saya ingin sedikit penjelasan tentang apa rasionalnya perkara begini berlaku iaitu penubuhan di bawah Akta Syarikat hanya peranan pendaftaran sahaja yang dilakukan oleh pihak Kementerian Pendidikan dan adakah sesuatu usaha dari segi mengambilalih dari

segi penubuhan ini di bawah kawalan Kementerian Pendidikan?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-pertua, rasionalnya ialah bahawa Akta Syarikat diperlukan untuk menentukan kumpulan atau individu yang ingin menjalankan perniagaan; bidang kuasa Kementerian Pendidikan ialah dari segi akademik, prasarana atau infrastruktur sekolah dan kita akan awasi dari segi kemudahan, dari segi mutu akademik, kelayakan guru. Tetapi dari segi urusan syarikat itu, keuntungannya dan sebagianya akan diawasi oleh Pendaftar Syarikat dan sebab itulah pendaftaran harus dilakukan terlebih dahulu dengan Kementerian Perdagangan di bawah Akta Syarikat dan keduanya barulah dirujuk kepada Kementerian Pendidikan.

PENGEMIS ASING - JUMLAH DITANGKAP

6. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:
- (a) jumlah pengemis asing yang telah ditangkap semenjak tahun 1985 setiap tahun mengikut negaranya; dan
 - (b) bagaimanakah pengemis ini dapat masuk ke negara ini dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan pengemis asing masuk ke negara ini.

Menteri Kebajikan Masyarakat [Dato. Mustaffa bin Mohammad]:

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini jumlah pengemis asing yang ditangkap dari tahun 1985 hingga 1988 ialah:

Tahun	Jumlah Pengemis ditangkap
1985	155 orang
1986	162 orang
1987	129 orang
1988	195 orang
Jumlah:	641 orang

Mengenai negara asal pengemis-pengemis tersebut tidak dapat pula ditentukan kerana mereka ini tidak mempunyai sebarang dokumen perjalanan yang sah.

Tuan Yang di-Pertua, adalah juga sukar untuk menentukan bagaimanakah pengemis-pengemis asing ini masuk ke negara ini. Kawalan-kawalan sentiasa diperketatkan oleh pihak yang berkuasa bagi menyekat kemasukan pengemis-pengemis asing ke nsgara ini.

PERKHIDMATAN RELBAS - MEMPERBAIKI MUTU

7. Datuk Haji Abu Bakar bin. Lajim minta Menteri Pengangkutan menyatakan bagaimanakah sambutan rakyat terhadap penggunaan perkhidmatan relbas sejak ianya diperkenalkan dan adakah perkhidmatan ini membantu rakyat terhadap mengatasi masalah pengangkutan di negara kit dan adakah pihak KTM bercadang memperbaiki mutu perkhidmatan yang sedia ada.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan relbas telah dilaksanakan bagi enam laluan iaitu:

- (i) Kulai/Singapura/Kulai mulai 27hb Ogos, 1988,
- (ii) Ipoh/Kuala Lumpur/Ipoh mulai 29hb September, 1988.
- (iii) Ipoh/Butterworth/Ipoh mulai 26hb Oktober, 1988.
- (iv) Gemaji/Mentakab/Gemas mulai 10hb Disember, 1988.
- (v) Pelabuhan Klang/Kuala Lumpur/Sentul mulai 18hb April, 1989.
- (vi) Butterworth/Arau/Butterworth mulai 15hb Mei, 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya perkhidmatan relbas telah memberi satu alternatif pengangkutan kepada rakyat di dalam

mengatasi masalah-masalah pengangkutan terutamanya kesesakan jalan raya di kawasan-kawasan mereka.

Sejak perkhidmatan relbas dilaksanakan pada tahun 1988, sambutan dari orang ramai adalah begitu menggalakkan. Dari Januari hingga Serptember 1989, seramai 1,178,468 orang penumpang telah menggunakan parkhidmatan ini.

KTM sentiasa berusaha memperbaiki mutu perkhidmatan pada amnya dan mutu perkhidmatan tren penumpang khususnya.

MAHKAMAH SESYEN - KEKURANGAN MEJISTRET DAN PENTERJEMAH

8. Puan Valli Muthusamy minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) bolehkah Kementerian mengambil tindakan yang segera untuk mengatasi masalah kekurangan mejistret-mejistret dan penterjemah-penterjemah yang banyak terutama penterjemah bahasa Cina; dan
- (b) bolehkah Kementerian Kehakiman mendirikan lebih banyak mahkamah sesyen di bandar-bandar utama dana menghentikan amalan menghantar hakim-hakim sesyen secara litar.

Manteri di Jabatan Perdana Menteri dan Mehteri Kehakiman

[Dato¹ Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud] : Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sentiasa mengambil langkah untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan di Jabatan Kehakiman.' Pengambilan majistret dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Baru-baru ini iaitu dalam bulan Disember, tawaran telah dikeluarkan kepada 22 orang calon yang berjaya untuk mengisi jawatan mejistret. Daripada jumlah ini seramai 19 orang telah menerimanya dan 3 orang menolak.

Berhubung dengan jawatan Jurubahasa pula tawaran telah dikeluarkan kepada 23 orang calon dan mereka talah diminta melaporkan diri pada 15hb Disember, 1989. Tawaran ini adalah untuk mengisi jawatan-jawatan, 11 Jurubahasa Cina, 5 Jurubahasa Punjabi, 5 Juru-bahasa Tamil dan 2 Jurubahasa Melayu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan telahpun dibuat bagi mengatasi masalah kekurangan bilik-bilik mahkamah dengan mengubahsuai bangunan mahkamah yang sedia ada membina bangunan tambahan dan membina bangunan baru bagi menggantikan bangunan-bangunan sekarang. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima beberapa buah mahkamah telahpun diubahsuai bagi menambahkan bilik bicara dan memperbesarkan beberapa buah bilik.

Di samping itu Kementerian akan membina 9 buah bilik bicara bagi mahkamah sesyen dan kerja-kerja akan dimulakan pada tahun 1990 iaitu 2 di Melaka, 4 di Shah Alam, dan 3 di Kota Kinabalu.

Jumlah bilik bicara di mahkamah sesyen pada masa ini ialah 49 buah. Kedudukannya ialah:-

Di Johor - 2.

Di Kedah - 3

Di Kelantan - 2

Di Melaka - 1

Di Negeri Sembilan - 2

Di Pahang - 2

Di Perak - 6

Di Perlis - 1

Di Pulau Pinang - 5

Di Sabah - 4

Di Sarawak - 6

Di Selangor - 3

Di Terengganu - 2; dan

Di Wilayah Persekutuan - 7

Buat setakat ini bagi menyenangkan dan demi kepentingan pihak yang terlibat, maka pihak Jabatan Kehakiman berpendapat adalah perlu menghantarkan hakim-hakim sesyen secara litar.

PILIHANRAYA - PERBELANJAAN

9. **Puan Mazidah binti Haji Zakaria** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) jumlah-perbelanjaan yang telah, digunakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya bagi mengadakan tiap-tiap pilihanraya kecil dalam tempoh antara pilihanraya umum 1986 ke hari ini;
- (b) jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan bagi usaha penyemakan daftar dan pendaftaran pengundi yang baru dalam tempoh yang sama; dan
- (c) jumlah -pengundi yang digugurkan dari pendaftaran oleh kerana sebab-sebab tertentu seperti kematian, tidak lagi menjadi warganegara Malaysia, dan sebagainya.

Dato'Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, semenjak Pilihanraya Umum tahun 1986 sehingga sekarang sebanyak 18 pilihanraya kecil telah diadakan di seluruh negara. Untuk menjalankan pilihanraya-pilihanraya kecil tersebut Suruhanjaya Pilihanraya telah membelanjakan sebanyak \$556,082.83 sen. Jumlah ini tidak termasuk perbelanjaan bagi menjalankan pilihanraya kecil N.14 Ranau, Sabah yang diadakan pada 9hb Disember, 1989.

- (b) Jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya bagi urusan pendaftaran dan penyemakan daftar pemilih adalah seperti berikut:-

1987 \$1,132,811.28 sen;

1988 \$2,099,452.19 sen;

1989 \$3,104,548.58 sea.

- (c) Jumlah pemilih yang telah dikeluarkan dari Daftar Pemilih disebabkan oleh kematian, hilang kalayakan dan lain-lain sebab adalah seperti berikut:-

1987 - 33,822 orang;

1988 - 26,176 orang;

1989 -.46,257 orang. [Ini angka sementara. Dan

angka bagi tahun 1989 mungkin akan berubah apabila urusan tuntutan dan bantahan selesai nanti]

Tuan A.K. Sivalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk mendaftar pengundi dari rumah ke rumah supaya lebih ramai yang berkecayakan menjadi pengundi dalam pilihanraya?

Yang kedua, adakah Kerajaan mempunyai sebarang cadangan untuk membolehkan warganegara kita mengundi secara automatik dalam Pilihanraya Umum.

Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pendaftaran dari rumah ke rumah ini mengikut kaedah baru, kaedah yang integrated memang dijalankan, tetapi tidaklah keseluruhan negara. Hanya kita had hanya kepada kawasan-kawasan yang sukar. Tentang cadangan untuk mengadakan pengundian secara automatik, setakat ini tidak ada cadangan hendak mengadakan pilihan secara compulsory, dengan izin, oleh kerana kita menghadapi masalah, kerana kalau kita lihat di negara kita ada kawasan-kawasan di mana sukar hendak melaksanakan pemilihan secara automatik ini.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertamanya, tidakkah. Kerajaan akan mengkaji semula masalah mengadakan pilihanraya-pilihanraya kecil bagi mengelakkan perbelanjaan dan kempen-kempen. Kedua, tidakkah boleh dilantik dari mana-mana parti yang pernah memenangi di kawasan itu untuk mengambilalih sementara Pilihanraya Umum diadakan?

Dato' Dr, Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sistem yang kita gunakan di negara, ini ialah kuasa diberi kepada rakyat untuk memilih siapa yang mereka suka,

Dato Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut data-data yang sekarang diadakan oleh Pejabat-pejabat Pendaftaran Kad Pengenalan, misalnya, payah atau tidak payah kita masih menjalankan pendaftaran pengundi-pengundi sebagaimana yang dijalankan sekarang. Tidak bolehkah pendaftaran itu dibuat dengan secara automatik, iaitu mereka yang telah mencapai umur 21 tahun mengikut data-data yang ada di pejabat itu secara automatik didaftarkan sebagai pengundi?

Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya kurang tamam maksud soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Minta ulang soalan itu sekali lagi.

Dato Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, apa yang tanya oleh saya, payah atau tidak payah kita menjalankan pendaftaran pengundi-pengundi sebagaimana sekarang. Tidak bolehkah pendaftaran itu dibuat secara automatik mengikut angka-angka yang ada di dalam Pejabat Pendaftaran, misalnya, pejabat yang menguruskan kad-kad pengenalan di mana ada angka-angka yang menunjukkan berapa orang, siapa yang telah mencapai umur 21 tahun pada satu-satu saat?

Dato' Dr, Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita mengadakan pendaftaran pengundi seperti ini adalah supaya menentukan mereka yang sepatutnya mendaftar, mendaftarkan diri. Kalau soal hendak mengikut cara automatik seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat itu, ini menimbulkan kesukaran oleh kerana dari segi perubahan alamat umpamanya. Umpamanya, waktu pendaftaran pertama si-polan tinggal di alamat itu dan mereka berubah tempat lain. Tetapi perubahan alamat ini tidak ditukarkan dalam Pejabat Pendaftaran, sebagai satu contoh, dan tentu sekali ini menimbulkan kesukaran. Cara yang ada sekarang kita rasa adalah merupakan satu-satunya cara yang baik.

KAMPUNG-KAMPUNG BARU - PEMULIHAN

10. Dr. Ng Khok Kiung minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah tindakan jangka panjang dan jangka pendek yang telah diambil untuk pemulihan dan pembangunan kampung-kampung baru di Negeri Selangor Darul Ehsan khususnya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, penjajah Britishlah yang bertanggungjawab melahirkan kampung-kampung baru di seluruh tanahair bermula pada tahun 1948.

Masyarakat kampung-kampung baru seolah-olahnya dihukum penjara tanpa dosa. Menyedari hakikat inilah setelah kita mencapai kemerdekaan maka kita memberi hak kebebasan kepada mereka daripada satu tahap kepada satu tahap mengikut masa.

Yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan telah memberi perhatian kepada kampung-kampung baru sehingga Kerajaan telah mewujudkan satu jabatan dan diletakkan sekarang ini di bawah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuah Yang di-Pertua, walaupun kampung-kampung baru ini diletakkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, namun kampung-kampung baru ini sentiasa diberi perhatian oleh banyak Kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri dan lebih-lebih lagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Maka yang demikian, program-program untuk memberi kemudahan-kemudahan terutama dari segi kemudahan-kemudahan asas boleh dikatakan telah dilaksanakan di kawasan kampung-kampung baru ini seperti jalanraya, perbekalan api, perbekalan air, sekolah, klinik desa dan berbagai-bagai lagi termasuklah kemudahan sosial.

Namun demikian hasil daripada usaha-usaha jangka pendek dan jangka panjang yang telah diberikan oleh Kementerian inilah sehingga banyak di antara kampung-kampung baru ini hari ini seolah-olah telah naik tarafnya sehingga ada di antaranya telah berada di dalam Kuala Lumpur City seperti Kampung Baru Jinjang, Salak South, Air Panas dan Sungai Besi. Manakala banyak kampung-kampung baru yang berada di dalam negeri Selangor seperti Kepong, Ampang, ini semua kampung-kampung baru yang telah berubah wajah bukan lagi boleh dinamakan kampung babkan telah pun bergelar city.

Pada jangka panjangnya, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang mengatur bagi mengintegrasikan semua kampung-kampung di dalam negara ini supaya kampung-kampung ini disetarafkan menjadi dengan tinggal nama kampung sahaja supaya tidak akan kekal nama kampung baru atau kampung-kampung tradisional.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekiranya ada cadangan untuk menukarkan kampung-kampung baru sebagai kampung sahaja, apakah peranan Jabatan terhadap kampung-kampung baru yang sedia ada, adakah cadangan untuk memansuhkan ini?

Datuk Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah tidak ada kampung baru dan masih ada nama kampung, maka pegawai-pegawai ini boleh ditugaskan kepada kampung.

RTM - PENERBITAN DRAMA TAMIL

11. Tuan C. Krishna minta Menteri Penerangan menyatakan:-

- (a) apakah "Action Plan" oleh Kementerian untuk memperkayakan industri drama Tamil sebagai suatu obligasi Kerajaan terhadap masyarakat India; dan
- (b) sedarkah drama Tamil yang ditayangkan sebagai drama bersiri di RTM2, "He is Crazy" yang diimport dari India tidak memenuhi selera kerana banyak perkataan Inggeris digunakan.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, langkah Kementerian Penerangan menswastakan penerbitan drama-drama tempatan termasuk drama Tamil adalah sebagai usaha Kerajaan menggalakkan industri perfileman tempatan, di samping memberi peluang kepada pihak-pihak swasta untuk mengeluarkan drama-drama yang bermutu tinggi untuk ditonton oleh orangramai. Tiada sebarang 'Action Plan' tertentu khas untuk drama Tamil sahaja.

Pihak swasta perlulah mengambil peluang ini dengan menerbitkan rancangan-rancangan yang bermutu selaras dengan garis panduan- garis panduan yang telah ditetapkan. Penyiapan drama-drama Tamil yang bermutu adalah bergantung kepada bekalan yang diterima. RTM sedia menyiarkan lebih banyak drama.Tamil jika ada penerbit swasta yang dapat mengeluarkan drama-drama Tamil yang sesuai bagi tontonan masyarakat di Malaysia.

Untuk menjawab soalan (b), di samping menerima bekalan-bekalan drama Tamil terbitan tempatan, RTM juga ada menerima bekalan drama Tamil daripada luar negeri seperti India. Khusus mengenai drama yang disentuh oleh Yang Berhormat itu yang banyak menggunakan perkataan bahasa laggaris, Kementerian sedar tetapi dapatlah dinyatakan di sini bahawa ia adalah merupakan satu realiti hidup dalam masyarakat kita di mana bahasa Inggeris digunakan secara meluas. Di Malaysia sendiri ada drama-drama baik drama Cina mahupun drama Melayu yang menggunakan perkataan Inggeris .

Tuan A.K. Sivalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Penerangan mempunyai idea untuk menubuhkan satu bahagian khas bagi melatih penerbit-penerbit drama swasta supaya di samping mendapat pendedahan, mereka juga boleh menghasilkan drama-drama yang berkualiti.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan sememangnya setiap tahun ada mengadakan kursus- kursus ataupun seminar-seminar berkenaan dengan penulisan skrip yang dijalankan oleh kakitangan RTM sendiri yang berpengalaman, Saya tidak dapat menyebutkan berapa banyak telah diadakan pada masa-masa yang lalu, tetapi pada dasarnya memang ada untuk melatih dan memberi bimbingan terutama sekali kepada anak-anak muda yang berminat untuk menampilkan diri di dalam mempelajari ilrau penulisan skrip drama dan juga filem.

DOKTOR MELETAKKAN JAWATAN

12. Tuan Syed Abdul Hamid bin Sagaff minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah doktor perubatan di bawah Kementerian Kesihatan; dan
- (b) jumlah doktor yang meletakkan jawatan mengikut bangsa bagi tahun 1986, 1987 dan 1988.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Chua Jui

Meng]: Tuan Yang di-Pertua:

- (i) sehingga Oktober 1989, jumlah doktor perubatan yang berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan ialah seramai 4,812 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 409 orang ialah doktor pakar dalam pelbagai bidang kepakaran, seramai 3,221 doktor perubatan am dan 480 doktor yang sedang menjalani tempoh latihan siswazah selama satu tahun;
- (ii) jumlah doktor yang meletak jawatan mengikut bangsa bagi tahun 1986, 1987 dan 1988 adalah seperti berikut:

Bangsa	Tahun		
	1986	1987	1988
Melayu	45	54	62
Cina	75	79	94
India	82	72	92

Ini bermakna pada tahun 1986 sejumlah 202 doktor dari pelbagai bangsa telah meletakkan jawatan dan pada tahun 1987 seramai 205 doktor daripada pelbagai kaum telah meletakkan jawatan dan tahun 1988 sebanyak 248 doktor daripada pelbagai bangsa telah meletakkan jawatan dalam Kementerian Kesihatan.

Puan Ainun binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin bertanya, dari jumlah yang disebutkan, sama ada yang meletakkan jawatan ataupun yang tidak, berapa ramaikah doktor wanita - pakar atau doktor biasa? Selain daripada itu, apakah sebab peningkatan perletakan jawatan ini berlaku. Memandangkan daripada angka-angka yang disebutkan oleh Yang Barhormat Setiausaha Parlimen, nyatalah di tahun lepas makin irama doktor yang meletakkan jawatan. Apakah punca, sebab-musabab yang terutama mereka ini meninggalkan jawatan itu?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada pecahan di antara seks mengenai doktor-doktor yang meletakkan jawatan dalam Kementerian Kesihatan, tetapi saya boleh memberitahu iaitu semakin lama semakin banyak doktor wanita yang dikeluarkan daripada universiti-universiti tempatan. Kenapa perletakan jawatan berlaku beberapa tahun yang kebelakangan ini. Ini adalah disebabkan ekonomi yang kian membangun dengan pesat, maka dengan sebab itu

tarikan daripada pihak swasta lebih hebat daripada tahun masa dulu seperti dari tahun 1985 di mana keadaan ekonomi telahpun merosot.

Kita menyedari dalam Kementerian Kesihatan bagaimana tarikan yang bebas dilakukan oleh pihak swasta khususnya hospital-hospital swasta. Itu bukan sahaja akan menjejaskan penarikan doktor daripada perkhidmatan Kementerian Kesihatan tetapi juga jawatan-jawatan seperti jururawat dan para-media yang lain.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen berkenaan, dengan 'turn-over' yang begitu tinggi daripada kalangan doktor, apakah perancangan Kementerian Kesihatan untuk mengatasi masalah ini memandangkan salah satu daripada faktor yang disebutkan tadi ialah kerana pertumbuhan ekonomi yang pesat memungkinkan lebih ramai lagi akan meletakkan jawatan. Dengan keadaan itu, apakah ramalan masa depan kita tidak akan dapat menyelesaikan masalah ini apabila ekonomi kita terus meningkat?-

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, itu satu soalan tambahan yang tepat pada sasarannya iaitu apa yang ditekankan oleh Yang Berhormat Senator Hassan tadi, kita memanglah akan menghadapi masalah yang disebutkan tadi. Di antara langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian Kesihatan ialah melatih lebih ramai lagi doktor-doktor baik di dalam negeri mahupun di luar negeri.

Mengenai latihan, sampai kini sudah diberikan sebanyak 470 biasiswa oleh Kementerian Kesihatan untuk doktor-doktor mengikuti pendidikan lanjutan baik di dalam negeri mahupun di luar

negeri. Langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian saya ialah memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan untuk doktor-doktor, khasnya pakar-pakar di dalam Kementerian Kesihatan. Baru-baru ini Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Dr. Yusof Haji Mohamed Nor yang mempengerusikan satu Jawatankuasa dalam Kabinet untuk menyelesaikan masalah ini dan keputusan telah dibuat dan hanya menunggu untuk diumumkan,-

Di antara langkah-langkah yang lain ialah mengambil doktor-doktor daripada luar negeri seperti Myanmar, Pakistan dan negeri-negeri lain, sebagai satu cara buat sementara sahaja, untuk datang secara kontrak untuk berkhidmat dalam hospital-hospital dan klinik-klinik di negara kita ini. Lagi pula kita ada doktor-doktor perempuan asing yang telah berkahwin dengan warganegara kita dan Kementerian pada masa kini telah melantik sebanyak 60 doktor-doktor warganegara asing yang telah berkahwin dengan warganegara kita untuk berkhidmat dalam Kementerian Kesihatan.

Itulah di antara beberapa langkah yang telah diambil dan sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengatasi masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mendengar daripada Saudara Yang Berhormat telah memberitahu kepada kita sebab musabab yang utama ialah oleh kerana kekurangan ongkos ataupun gaji kepada doktor itu. Soalan saya, apakah sebab pihak Kementerian tidak menyamakan gaji doktor yang bekerja di bawah Kementerian dengan doktor yang bekerja di bawah swasta dan adakah cadangan Kerajaan berbuat demikian ataupun tidak?

Tuan Chua Jui Meng: Terima kasih, Yang Berhormat Senator: Kalau tidak salah faham, soalan. Yang Berhormat itu kenapa kita tidak samakan pendapatan antara doktor di dalam Kementerian Kesihatan dengan doktor dalam swasta. Itu benar, saya tadi sudah sebutkan bila ekonomi telah pulih dan telah berkembang dengan begitu pesat seperti yang dialami oleh negara kita, memanglah orang lebih mampu untuk membayar yuran doktor-doktor di dalam sektor swasta dan dengan itu kemungkinan besar pendapatannya lebih lumayan daripada yang diberikan oleh hospital dan pihak Kementerian Kesihatan. Tetapi kita ada lain aspek. Doktor-doktor hendaklah mengkaji dari lain-lain aspek seperti dalam perkhidmatan Kerajaan, kemudahan kita dalam hospital begitu baik, kita ada alat-alat, mesin-mesin yang termoden sekali yang tidak mampu dibeli oleh hospital swasta.

Kita ada staf, kakitangan yang banyak, kita ada pembantu perubatan, kita ada jururawat, kita ada berbagai jenis-jenis kepakaran dalam hospital iaitu support staff yang begitu baik kalau kita bandingkan dengan hospital-hospital swasta.

Kita ada memberikan galakan kepada mereka melalui biasiswa, kursus-kursus, seminar-seminar yang dianjurkan oleh Kementerian saya atau oleh pihak di luar negeri. Kita memberikan peluang yang lebih luas kepada doktor-doktor yang ada di dalam perkhidmatan Kerajaan

dan oleh itu dia ada keinginan untuk terus dalam perkhidmatan Kerajaan.

GURU BESAR DI SEKOLAH TAMIL - KEKOSONGAN

13. Tuan P. Balaram minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa tidak mengisinya kekosongan jawatan-jawatan Guru Besar di sekolah-sekolah Tamil sehingga selama satu tahun atau lebih. menimbulkan beberapa masalah pentadbiran serta mengakibatkan kemerosotan mutu pelajaran di sekolah-sekolah yang berkenaan.

Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin] : Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pendidikan telahpun mengisi hampir ke semua kekosongan jawatan Guru Besar di sekolah-sekolah Tamil.

Buat masa sekarang cuma satu jawatan Guru Besar di Sekolah Rendah. Jenis Kebangsaan. Tamil Latang Tabi, Alor Setar, Kedah sahaja yang masih belum diisi, Kekosongan ini berlaku sejak bulan Mei tahun ini kerana Guru Besarnya telah bertukar ke sekolah lain.

Walau bagaimanapun sekiranya terdapat kekosongan jawatan tersebut, seorang pegawai ditugaskan untuk menjalankan tugas Guru Besar di sekolah yang berkenaan sehingga jawatan Guru Besar itu diisi. Kekosongan tersebut tidaklah dibiarkan berlarutan sehingga setahun atau lebih. Oleh itu masalah pentadbiran serta kemerosotan mutu pelajaran di sekolah-sekolah Tamil yang belum diisi tidak timbul.

PERJANJIAN DUA HALA - MERAMPAS HARTA PENGEDAR DADAH

14. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) selain daripada Singapura dan Great Britain yang menandatangani perjanjian-perjanjian dua hala merampas harta pengedar dadah yang didapati bersalah mana-mana negara-negara lain yang sedang dalam proses menandatangani perjanjian itu dengan negara kita; dan
- (b) apakah kemungkinan rampasan harta pengedar-pengedar dadah oleh Malaysia di Singapura atau Great Britain dalara jangka masa pendek.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab bagi pihak Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Hussein bin Ahmad: Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengadakan perjanjian dua hala bagi merampas harta-harta daripada pengedar-pengedar dadah hasil daripada pengedaran dadah. Sebenarnya Kerajaan kita hanya baru mengadakan perjanjian luar negeri dengan Kerajaan Great Britain manakala dengan Kerajaan Singapura masih belum kerana Singapura tidak mempunyai undang-undang yang serupa dengan kita. Sungguhpun begitu, pada tahun 1990 Kerajaan akan mengadakan rundingan dengan pihak Amerika Syarikat dan Kerajaan Australia.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada sebarang rampasan harta yang dilakukan di Great Britain kerana masih belum ada kesalahan-kesalahan yang disabitkannya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan. bagi jawab mulu sudahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 39 adalah akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1990****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [19hb Disember, 1989]

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan G. Rajoo untuk menyambung ucapan. Dipersilakan.

3.36 ptg.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya melanjutkan ucapan saya daripada semalam.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan,

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, beliau memperkecilkan imej negara walhal beliau sendiri adalah rakyat Malaysia. Kita seharusnya bangga dengan negara kita dan hendaklah mempertahankan maruah negara kita hingga setitik darah daripada ancaman dan cacian liar tetapi beliau bertindak sebaliknya. Beliau juga menghasut rakyat menentang Kerajaan, Beliau adalah seorang parliamentarian yang tidak bertanggungjawab.

Baru-baru ini beliau juga cuba melagakan Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Singapura dengan kenyataan yang tidak berasas sehingga Perdana Menteri Singapura sendiri menafikannya yang menyebut kononnya Singapura mengintip negara Malaysia. Saya percaya, Yang Berhormat Ahli Parlimen itu cuba memancing di air keruh dan melagakan rakyat Malaysia dengan rakyat Singapura dengan harapan kegagalan mereka sebagai sebuah parti Pembangkang yang bertanggungjawab tidak ketara dilihat oleh rakyat jelata.

Tuan Yang di-pertua, saya yakin dan percaya Ahli-ahli Pembangkang, terutama sekali DAP, Yang Berhormat Karpal Singh akan menjadi lebih bertanggungjawab dengan bertindak menyatupadukan rakyat jelata di negara ini agar kita semua dapat hidup dengan aman, damai, maju dan raakmur.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memperuntukkan \$33,405,000 bagi Belanjawan 1990 ini. Daripada jumlah ini 72% adalah bagi perbelanjaan mengurus dan 20% lagi adalah perbelanjaan pembangunan. Dengan tujuan memberi perkhidmatan awam yang luas dan bermutu tinggi kepada rakyat. Seperti biasa sektor sosial terutama pendidikan mendapat perhatian yang lebih serius daripada Kerajaan.

Sebelum saya lanjutkan ucapan saya, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita, Yang Berhormat Saudara Anwar Ibrahim ke atas pemilihan beliau selaku Presiden Persidangan Agung UNESCO baru-baru ini. Pemilihan ini adalah satu penghormatan yang tinggi kepada sistem pendidikan negara kita. Sejak dilantik sebagai Menteri Pendidikan beberapa tahun kebelakangan ini, beliau telah berusaha melaksanakan beberapa reformasi dalam sistem pendidikan negara untuk memenuhi kehendak yang berubah-ubah dan ekonomi negara yang berbilang kaum ini. Di antaranya adalah pengenalan sistem semester kepada sekolah, kurikulum baru sekolah rendah, kurikulum sepadu sekolah menengah, penekanan kepada aspek moral dan agama bagi pelajar, pengajaran komputer, kemahiran manipulatif, kemahiran hidup dan sebagainya dengan tujuan supaya rakyat negara ini tidak ketinggalan dalam sistem pelajaran berbanding dengan negara-negara maju seperti Britain, Amerika dan Perancis.

Hari ini Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang pragmatis kita telah bersetuju mengkaji semula Akta Pendidikan dari segi kandungan dan syor-syor pendidikan negara kita. Beliau juga telah bersetuju mengkaji Akta 21(2) dan Akta Universiti dan Universiti Kolej yang selama ini menjadi isu yang hangat di universiti-universiti negara ini. Tindakan Yang Berhormat Menteri jelas membuktikan beliau sensitif terhadap permintaan rakyat berbilang kaum di negara ini.

Semenjak pengenalan Akta Pendidikan lebih kurang 30 tahun dahulu, tidak seorang Menteri pun berani mengkaji semula Akta tersebut. Semasa mereka menjadi Menteri Pendidikan atau Perdana Menteri selepas itu, walaupun ada permintaan-permintaan seperti ini selama **itu**. Walaupun negara kita bernasib baik mempunyai seorang Menteri Pendidikan yang pragmatis dan dinamik, segolongan kecil pegawai-pegawai di dalam Kementeriannya tidaklah begitu jujur, ikhlas, pragmatis dan dinamis seperti Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita. Mereka mislead beliau sehingga beliau angkat dua-dua tangannya mengaku salah di Perhimpunan Agung UMNO bagi suatu kesalahan yang beliau tidak langsung melakukannya. Beliau diberi taklimat yang salah semasa kebocoran Kertas Soalan SPM Bahasa Malaysia sehingga pada awalnya beliau terpaksa menafikannya.

Kita tidak mahu melihat pegawai-pegawai Kerajaan sering memper-tahankan Kementerian mereka tanpa usul periksa, jika berlaku sesuatu kes seperti kes kebocoran Kertas Soalan Bahasa Malaysia S.P.M baru-baru ini. Perkara begini akan menghilangkan keyakinan

terhadap Kementerian serta sistem peperiksaan pendidikan negara kita. Setiap tahun peperiksaan S.P.M kita dengar khabar angin ataupun kenyataan sebenar bahawa Kertas Soalan Bahasa Malaysia telah bocor.

Yang amat anih, Tuan Yang di-Pertua, kenapa Kertas Soalan Bahasa Malaysia sahaja setiap tahun, tidak ada Kertas-kertas yang Lain. Adakah ini sesuatu rancangan tertentu oleh segolongan masyarakat untuk lulus Kertas Bahasa Malaysia dan lulus S.P.M. Jika ini benar ianya adalah sesuatu kelemahan Kementerian yang harus diperbaiki dengan segera, Kalau tidak, saya khuatir ianya akan menjadi suatu ancaman kepada keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar orang-orang yang bertanggungjawab menjalankan sesuatu peperiksaan seperti ini adalah tidak amanah dan jujur. Mereka sanggup menjual kertas-kertas soalan untuk kepentingan kewangan tanpa menyedari kelakukan mereka akan menyusahkan beribu-ribu pelajar, ibu bapa dan guru-guru yang tidak berdosa. Mereka tidak sedar kelakukan mereka yang menjual Kertas Soalan "for a few dollars", dengan izin, akan melemahkan dan menghilangkan kepercayaan dan keyakinan sistem peperiksaan kita. Mereka adalah pengkhianat negara, kita harap mereka mengawal dan menjalankan tugas dengan jujur, tetapi mereka bertindak sebaliknya "harapkan pagar, pagar makan padi", Mereka yang terlibat hendaklah dihukum sekeras-kerasnya agar ianya menjadi suatu pengajaran kepada orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu eloklah juga kita mengkaji semula sistem pelaksanaan peperiksaan awam dari awal hingga ke akhir. Cara-cara penggubalan soalan, mencetak, membungkus, pengedaran serta perjalanan peperiksaan hendaklah dikaji semula

supaya terdapat suatu "fool proof way", dengan izin, menjalankan pemeriksaan awam di hegara ini.

Kerajaan haruslah mengkaji kemungkinan membenarkan pihak Polis Cawangn Khas, yang disifatkan sebagai suatu agensi yang paling ketat menyimpan rahsia, menjalankan tugas-tugas peperiksaan seperti mencetak, membungkus dan mengedar setelah soalan-soalan digubal, Ini akan menjamin keyakinan sistem peperiksaan kita,

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini keputusan UPSR dan SRP diumumkan lebih awal seperti yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Tahniah diucapkan kepada semua pegawai yang terlibat dalam usaha ini. Analisa keputusan kedua-dua peperiksaan ini menunjukkan bahawa keputusan Bahasa Malaysia, terutama sekali penuntut-penuntut Cina dan India amatlah rendah tahun ini. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan waktu belajar Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil di negara ini.

Penuntut-penuntut Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dan China hanya belajar Bahasa Malaysia 150 minit sehingga 270 minit sahaja seminggu, dibandingkan dengan 450 minit hingga 720 minit di Sekolah-sekolah Kebangsaan. Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan akan mengkaji kemungkinan menambahkan waktu belajar Bahasa Malaysia di SRJK(T) dan SRJK(C) dengan segera agar murid-murid sekolah ini dapat menguasai Bahasa Malaysia dengan sepenuhnya. Baru-baru ini pihak Kementerian Pendidikan membuat pengumuman untuk mengajar Bahasa Malaysia mulai dari hari pertama penggal satu persekolahan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil tahun ini, tetapi saya difahamkan sehingga hari ini tidak ada sebarang arahan kepada sekolah yang menyebabkan beberapa buah sekolah masih dalam

dilemma sama ada hendak bermula Bahasa Malaysia pada awal tahun atau sebaliknya, pertengahan tahun seperti biasa.

Saya berharap pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan akan menyelesaikan kekecohan ini dengan segera dengan arahan-arahan yang tepat dan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang kekurangan guru terlatih di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di negara ini. Saya difahamkan terdapat kekurangan lebih kurang 1,500 orang guru bahasa Tamil di SRJK(T) di negara ini.

Saya sedar Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah yang positif untuk menghapuskan kekurangan **ini**, akan tetapi langkah-langkah yang diambil ini tidaklah mencukupi menyelesaikan masalah kekurangan guru di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di negara ini, lebih ramai guru pelatih hendaklah diambil di Maktab-maktab Perguruan bagi pengkajian bahasa Tamil. Syarat-syarat ketat hendaklah dilonggarkan sedikit kepada guru-guru-sandaran yang sedang berkhidmat atau mempunyai pengalaman semasa pengambilan guru pelatih, Syarat had umur hendaklah dihapuskan bagi guru-guru sandaran yang ingin memohon masuk ke Maktab-maktab Perguruan Kerajaan haruslah juga mengkaji kemungkinan memulakan semula "Kursus Dalam Cuti" KDC bagi guru-guru sandaran, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China untuk mengatasi masalah kekurangan guru di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pengajaran bahasa ibunda (POL) dijalankan secara ad hoc tanpa sabarang sistem yang teratur. Di beberapa tempat seluruh negara.....

Datuk Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat G, Rajoo, bahasa ibunda - mana bahasa yang dikatakan bahasa ibunda itu?

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, ini perkataan POL digunakan di seluruh negara mulai daripada tahun kemerdekaan - People's Own Language, itu kita gelarkan sebagai bahasa ibunda. Kita faham Bahasa Malaysia ialah bahasa utama sekali di Malaysia, kita semuanya sukakan bahasa itu. Tujuan saya bukan bahasa ibunda Bahasa Malaysia, tetapi bahasa ibundanya ialah bahasa Tamil dan bahasa Cina.

Saya mengambil kesempatan ini mengesyor menambahkan peruntukan agar pengajaran POL dijalankan sepanjang tahun sebagai "on-going project" tanpa sebarang gangguan jika ianya dijalankan oleh guru-guru sambilan. Adalah ideal bagi Kerajaan supaya memastikan pengajaran POL ini dijalankan sebagai satu matapelajaran dalam jadual waktu semasa sekolah seperti biasa.

Pada masa ini pengajaran POL tidak diseliaikan oleh sesiapa dan tidak ada proper syllabus. Oleh yang demikian, saya berharap Kementerian akan melantik lebih banyak penyelia yang berbahasa Tamil untuk menyelia dan membantu pelaksanaan POL di sekolah-sekolah negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan rancangan Kerajaan menyiapkan 4,430 projek sekolah di bawah Program Pendidikan Rendah yang meliputi pembinaan 10,163 bilik darjah di samping menyediakan beberapa program sokongan seperti asrama, kemudahan sukan, tandas dan sebagainya. Saya berharap Kerajaan akan memberi tumpuan yang lebih serius kepada Sekolah-sekolah Tamil di negara ini yang memerlukan bilik darjah, perabut, tandas, meja dan kerusi dan kemudahan-kemudahan sukan. Beberapa buah Sekolah Tamil di daerah Hilir Perak, guru-guru serta murid-murid terpaksa lari ke hutan atau ladang getah untuk melepaskannya kerana tidak ada tandas. **[Ketawa]** Kita telah merdeka 32 tahun tetapi ada juga sekolah-sekolah seperti ini pada masa penjajahan British. Saya minta Kementarian Pendidikan, silalah beri tumpuan kepada sekolah-sekolah kecil yang menghadapi masalah yang asas sekali iaitu tandas,

Tuan Tan Chai Ho: **[Bangun]**

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan? Silakan.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi katakan murid-murid dan guru-guru terpaksa masuk ke hutan untuk melepaskan. Saya minta Yang Berhormat sebutkan di mana sekolah-sekolah yang berkaitan.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebut di daerah-daerah Hilir Perak dalam negeri Perak, ada sekolah-sekolah. Kalau Yang Berhormat ingin melawat sekolah **itu**, silalah menghubungi saya dan saya boleh bawa ke sekolah **itu**. **[Ketawa]** Tetapi jangan lari ya!

Tuan Yang di-Pertua: Sila sambungkan ucapan, Yang Berhormat,

Tuan G. Rajoo: Murid-murid terpaksa kongsi meja dan kerusi dan guru pula terpaksa menggunakan meja murid di beberapa buah sekolah termasuk Sekolah-sekolah Bantuan Penuh. Sekolah Bantuan Modal tidak perlulah saya bercakap di sini kerana keadaannya adalah lebih rumit dan telahpun dibawa ke perhatian Dewan yang mulia ini sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh hasrat Kerajaan yang mengambil berat terhadap kebajikan guru dan bersetuju melaksanakan gaji dua skim. Saya difahamkan beberapa golongan guru tidak begitu berpuas hati atas pelaksanaan gaji dua skim **ini**. Saya khuatir jika frustrasi dibiarkan bertumbuh di kalangan guru akibat pelaksanaan gaji dua skim **ini**, anak-anak kita akan menderita dan menjadi mangsa perbuatan guru yang frustrated ini.

Syarat guru-guru kategori B1 dan B2 yang dapat masuk ke skim gaji ini hanya setelah mencapai umur 50 tahun dan mengikuti kursus 3 bulan hendaklah dikaji semula. 11,000 orang guru kategori ini hendaklah dimasukkan ke skim ini tanpa sebarang syarat seperti guru-guru lain. Saya yakin mereka ada alasan yang kukuh supaya memasuki skim ini atas dasar "rate for the job", dengan izin, yang diperakukan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gaji.

Selain daripada ini, Guru-guru Besar yang berada di tanggagaji Tingkatan Kanan dan Tertinggi juga tidak begitu berpuas hati kerana mereka diletakkan di bawah gaji Tingkatan-biasa dalam skim baru-baru ini. Saya berharap Kerajaan akan mengkaji meletakkan mereka dalam Tingkatan Kanan dan Tertinggi dalam tanggagaji baru. Guru-guru Besar ini adalah penyokong-penyokong kuat Kerajaan dan saya berharap perletakan mereka seperti yang disebutkan tadi akan memperkuatkan lagi jentera pentadbiran Kerajaan dan sistem pendidikan negara.

Apabila melaksanakan gaji dua skim nanti, sekolah-sekolah tanpa gred yang mempunyai bilangan murid kurang daripada 149 hendaklah dibiarkan berfungsi seperti sekarang tanpa sebarang gabungan. Kerajaan hendaklah memberi perhatian yang lebih mendalam dan serius untuk menambahkan infrastruktur bagi sekolah-sekolah ini agar kemahiran penuntut-penuntut di sekolah ini juga setanding dengan sekolah besar gred A dan B.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berdukacita memahami beberapa banduan berjaya melepaskan diri di beberapa Penjara baru-baru ini. Orang-orang yang diamanahkan menjaga sendiri memakan padi dan menjatuhkan imej negara. Saya difahamkan Kerajaan dalam proses penyiasatan dan saya berharap orang-orang yang bertanggungjawab dalam pekerjaan jenayah 'kolar putih' ini hendaklah dihukum sekeras-kerasnya. Selain daripada itu, Kerajaan hendaklah memastikan pengambilan pegawai-pegawai untuk berkhidmat dalam Jabatan ini ditapis dengan baik dan hanya orang-orang yang berlatar belakang jujur dan ikhlas sahaja diambil. Jika tidak, saya kawatir rakyat tidak akan takut pergi ke Penjara, kerana mereka tahu mereka boleh melepaskan diri atau mendapat privileg dan layanan khas seperti orang biasa selain daripada makan dan minum free di dalam Penjara.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita semua sedia maklum, tahun 1990 ialah Tahun Melawat Malaysia. Beberapa acara telah diadakan pada tahun ini dengan jayanya dengan tujuan persediaan tahun hadapan. Untuk menggalakkan pembangunan industri pelancongan, peruntukan khas sebanyak 590 juta telah disediakan. Saya menyokong penuh peruntukan ini yang dibuat dengan tujuan menjayakan program-program galakan pelancongan khususnya Tahun Melawat Malaysia 1990 dan memperbaiki kemudahan awam di tempat-tempat pelancongan.

Negara kita memang terkenal sebagai suatu negara yang indah dan bersih. Kerajaan hendaklah memastikan keindahan dan kebersihan ini dengan melayani tetamu secara sopan-santun di setiap entry points negara ini. Pegawai-pegawai Kastam, Immigresen, Keselamatan dan pekerja Lapangan terbang yang kurang bersopan haruslah ditukar dari entry points dengan serta-merta sekarang seperti di Lapangan terbang, Pelabuhan dan sebagainya.

Kita harus menjaga imej kita sebagai sebuah negara yang **ber-**bilang kaum, bersopan santun dan pandai melayani tetamu dan yang boleh berbahasa Inggeris, Peranchis dan sebagainya. Publisiti yang seluas-luasnya hendak dibuat di luar negara untuk menarik pelancong ke Malaysia melalui media massa eletronik. Kerajaan hendaklah memastikan setiap negara di dunia ini walaupun besar atau kecil, diiklankan dengan iklan-iklan tarikan melawat Malaysia, sama ada di majalah, suratkhobar, radio, dan TV di negara itu masing-masing. Sumbangan industri pelancongan kepada ekonomi negara adalah amat penting kerana ianya memberi faedah kepada negara dalam bentuk pendapatan wang asing dan peluang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendapat publisiti yang baik secara tidak langsung apabila kita berjaya menjadi tuan rumah kepada Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Commonwealth (CHOGM) di bawah pimpinan yang dinamik dan bijak oleh Yang Amat Berhormat: Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad. Perlantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Pengerusi Kumpulan Tertinggi mengenai masa depan Commonwealth juga mencerminkan penghargaan dan disanjung tinggi oleh pemimpin dunia terhadap beliau. CHOGM telah mendapat publisiti yang meluas dari media antarabangsa dan CHOGM di Kuala Lumpur telah digelar sebagai persidangan yang terbaik pernah diadakan, dengan izin, *the best CHOGM the world has ever had*, cara kita menjalankan CHOGM telah mengagumkan delegasi-delegasi luar negeri. Kemudahan eletronik dan media lain telah memeranjatkan delegasi luar negara yang menganggap selama ini kononnya negara kita amat mundur lagi. Sekali iagi saya mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan dan tahniah dalam Dewan yang mulia ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Perdana Menteri atas kejayaan menganjurkan CHOGM.

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya kecewa sedikit semasa CHOGM kerana tiada seorang Yang Berhormat Ahli Senate dijemput hadir di pembukaan rasmi atau lain-lain acara berkaitan dengan CHOGM, Saya juga terkilan dan kecil hati apabila tidak dijemput, tetapi sebaliknya saya sebagai seorang warganegara Malaysia amat gembira atas kejayaan CHOGM. Saya berharap pada masa hadapan Ahli-ahli Dewan Negara juga diberi 'priority' menghadiri upacara-upacara persidangan antarabangsa seperti ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mendapat publisiti yang luas di rantau Asean semasa Sukan SEA baru-baru ini. Kejayaan menduduki tempat kedua di kalangan negara yang mengambil bahagian adalah satu rekod yang telah menjalin era baru dalam bidang sukan negara Ini. Atlit-atlit yang berjaya mengharumkan nama Malaysia hendaklah di'reward' dengan sepenuhnya. Mereka hendaklah diberi peluang meneruskan pelajaran dan meningkatkan karier sukan sama ada di dalam atau di Luar negeri dengan bantuan penuh Kerajaan. Saya menyokong penuh pengecualian cukai ke atas hadiah wang tunai yang diterima oleh ahli-ahli sukan dan menghapuskan duti tokok dan cukai jualan ke atas beberapa alat sukan. Perkara ini pasti akan menggalakan lebih ramai rakyat berkecimpung dalam sukan dan saya berharap ini akan melahirkan lebih ramai ahli sukan terkemuka dari kalangan rakyat kita.

Kejayaan ahli sukan Malaysia dalam Sukan SEA adalah membanggakan saya dan saya ternampak sukan adalah satu 'avenue' untuk menyatu-padukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini. Bulu roma saya berdiri kebanggaan setiap kali Malaysia berjaya dan Lagu Negaraku dimainkan diikuti bersama beribu-ribu penyokong Malaysia menyanyikan bersama tanpa mengira kaum, keturunan, agama dan umur

dalam upacara penyampaian hadiah. Ini adalah satu tanda yang sihat. Saya yakin dan percaya Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan akan terus berusaha menganjurkan lebih banyak lagi pertandingan antarabangsa pada masa hadapan, tetapi saya kecewa sedikit dalam pertandingan bolasepak semi-pro yang diadakan pada tahun ini dengan tujuan meningkatkan mutu permainan bolasepak melalui pemain-pemain profesional.

Walaupun motifnya baik, cara pelaksanaannya tidaklah begitu memuaskan, mutu pengadilan beberapa pertandingan amatlah rendah yang menyebabkan tercetusnya pergaduhan di antara penyokong kedua-dua pasukan. Pengawalan orang ramai, 'crowd control' oleh pihak Polis juga tidak memuaskan semasa beberapa pertandingan, lebih-lebih lagi semangat kedaerahan dan kenegerian telah menimbulkan kekecohan semasa pertandingan semi-pro ini sehingga ada pasukan yang enggan meneruskan permainan dan keluar dari FAM. Ini adalah satu tanda yang tidak sihat. Saya berharap pasukan yang keluar dari FAM iaitu negeri Sarawak akan mematuhi nasihat dan saranan Kebawah Duli Tuanku Sultan Pahang, Presiden FAM supaya kembali ke FAM dalam semangat kesukanan. Saya juga berharap Tan Sri Yang di-Pertua kita yang berasal dari Sarawak boleh memujuk Sarawak kembali menyertai FAM pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat, Insyallah.

[Tepuk]

Tuan G. Rajoo: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita masih mendengar khabar angin bahawa beberapa pemain dan ketua pasukan terlibat dalam rasuah dalam menentukan keputusan sesuatu pertandingan. Jika ianya benar, ini adalah satu perkara yang amat mendukacitakan. Saya mengambil kesempatan ini merayu

kepada Biro Siasatan Negara menyiasat ke akar umbi perkara ini agar perkara begini tidak berulang lagi dan orang-orang yang terlibat didenda dengan sekeras-kerasnya.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita masih mabuk dengan kejayaan CHOGM, Sukan SEA dan sebagainya, Kerajaan telah mencapai satu kejayaan besar apabila menandatangani perjanjian dengan Parti Komunis Malaya yang bertujuan menamatkan perjuangan mereka setelah hampir 41 tahun. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Thai yang berusaha menamatkan perjuangan Parti Komunis Malaya **ini**. Kepercayaan telah diberi kepada Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia untuk meneruskan rundingan dengan pihak komunis itu. Mereka telah menjalankan tugas mereka dengan begitu serius dan sulit sehingga berjaya. Syabas diucapkan kepada mereka. Perjuangan komunis yang dimulakan semasa penjajahan British dan selepas itu semasa Malaya di bawah pimpinan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman telah tamat sekarang. Setelah 41 tahun, semasa Malaysia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Sri Dr. Mahathir, dengan izin, 'this is another feather in this cap'.

Perjanjian ini telah menamatkan perjuangan senjata pihak komunis dan Kerajaan tidak perlu lagi membelanjakan berjuta-juta ringgit melawan komunis. Perbelanjaan yang dijimatkan ini boleh digunakan bagi lain-lain projek pembangunan yang memberi faedah kepada rakyat. Dalam keadaan ini saya juga berharap Kerajaan akan mengkaji kemungkinan mengurangkan pasukan Polis dan pasukan keselamatan negara kita sejajar dengan aspirasi Kerajaan mengurangkan kerja sektor awam. Saya juga yakin dan percaya industri pembalakan akan berkembang berikutan dengan perjanjian ini selepas perintah berkurung di beberapa kawasan pembalakan ditarik balik. Ini adalah suatu tanda yang baik bagi pertumbuhan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita haruslah berwaspada terhadap ahli-ahli Parti Komunis Malaya yang balik ke pangkuan negara agar mereka tidak terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat dan mencetuskan huru-hara melalui proses 'illegal' atau 'legal'. Mereka yang kembali ke pangkuan negara hendaklah dilayan sebagai rakyat biasa tanpa sebarang privileg khas. Dan Kerajaan hendaklah selalu berwaspada atas garak-geri mereka agar mereka tidak menimbulkan isu-isu sensitif seperti perkauman melalui parti-parti politik yang sah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong langkah Kerajaan menyediakan \$68 juta untuk membantu pembangunan golongan termiskin menerusi projek-projek penempatan semula industri kampung dan

pertanian di situ. Kerajaan juga akan membantu peniaga kecil memberi pinjaman tanpa faedah.

Saya juga difahamkan bayaran secara langsung akan diberi kepada golongan termiskin yang berpendapatan sekeluarga lima orang kurang daripada \$175 sebulan. Saya berharap bantuan seperti ini dilaksanakan dengan berwaspada agar ianya tidak disalahgunakan oleh orang-orang yang tertentu. Saya berharap bantuan secara langsung dan pinjaman perniagaan kecil akan dinikmati oleh semua golongan rakyat yang layak tanpa mengira kaum, keturunan dan agama. Bantuan seperti ini hendaklah disampaikan kepada petani dan nelayan di kampung, buruh kasar di kawasan setinggan di bandar, buruh di ladang dan pekerja di kampung baru yang layak sahaja agar semua rakyat menikmati generosity Kerajaan dengan sepenuhnya. Dalam aspek ini saya mengalu-alukan jaminan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita, Yang Berhormat Tuan Abdul Ghafar bin Baba bahawa semua golongan rakyat akan menikmati faedah rancangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan langkah Kerajaan mengurangkan saiz perkhidmatan awam dengan membenarkan pegawai-pegawai Kerajaan Kumpulan B, C dan D bersara apabila mencukupi 40 tahun dan pegawai-pegawai Kumpulan A atas budi bicara Kerajaan. Ini adalah suatu langkah yang bijak dari Kerajaan untuk mengurangkan saiz perkhidmatan awam serta memberi peluang kepada pegawai-pegawai Kerajaan menceburi dalam bidang politik dan perniagaan semasa mereka 'physically active'. Parti-parti politik akan pasti mendapat keuntungan yang besar dan akan dapat kepakaran pegawai-pegawai yang bersara ini demi kepentingan aktiviti politik mereka. Negara akan

mendapat policy-makers yang berkaliber berikutan dengan keputusan ini. Saya yakin dan percaya Kerajaan akan memindah Perintah Am dengan serta-merta untuk melaksanakan keputusan Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya menyokong penuh Pelan Induk Penswastaaan yang mencadangkan menswastakan 246 agensi dan perbadanan sektor awam. Setakat **ini**, Kerajaan telah menswastakan 22 agensi. Kebanyakan agensi yang diswastakan sehingga ini adalah agensi yang menguntungkan sahaja. Kerajaan hendaklah memastikan penswastaaan sebuah agensi berdasarkan kepada 'commitment' memberi khidmat yang lebih cekap dan baik kepada rakyat dan bukan semata-mata untuk kepentingan kewangan sahaja. Agensi-agensi seperti LLN, Keretapi Tanah Melayu dan Jabatan Penerbangan Awam, apabila diperbadankan sebelum ianya diswastakan haruslah mengandungi Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang berkaliber dari semua kaum di negara ini agar mencerminkan komposisi kaum di negara **ini**. Kaum minoriti rakyat keturunan India di negara ini hendaklah diberi keutamaan memilik saham apabila agensi-agensi ini diswastakan kelak supaya semua rakyat di negara ini menikmati hasil negara yang kita cintai **ini**. Moga-moga negara yang kita cintai ini akan terus berdaulat, maju, makmur dan bersatu padu.

Dengan harapan yang murni ini sekali lagi saya menyokong penuh Belanjawan 1990 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru **ini**. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah.

4.16 ptg.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang dt-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Paduka Daim, Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan 1990.

Sudah berapa tahun kebelakangan ini sidang Dewan untuk membentangkan Belanjawan adalah reaksi yang baik daripada rakyat jelata tidak kira orang ramai, demikian juga peniaga-peniaga, kerana Menteri Kewangan kita sangat berhati-hati dan teliti untuk kestabilan kewangan negara. Bagi kesempurnaan ini ada perkara-perkara kecil yang dipandang oleh Kerajaan tetapi melibatkan terus kepada rakyat patut diambil kira. Salah satu daripadanya, saya ingin mengulang lagi ucapan saya pada tahun lepas, yang mana saya sungguh meneliti Belanjawan pada tahun **ini**, tetapi di dalam buku ini tidak langsung ada perkara tersebut itu. Pada baru-baru ini iaitu 14hb bulan **ini**, kita sabagai Senators telah mendapat taklimat daripada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan perkara tersebut, saya bangkitkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara tersebut ialah pencen-pencen kepada balu-balu, Saya mendapat pengaduan ataupun diberitahu oleh mereka yang terlibat, mereka ini patut kita bela kerana setengah daripada mereka yang pencen ini, pencennya kecil kerana semasa suaminya meninggal gajinya kecil, maka pencen mereka terlalu kecil. Dan selepas 12½ tahun pencen ini akan dipotong 30%. Kita katalah dia dapat \$100 sebulan pencen. Sebelum genap 12½ tahun, sesudah dia 12½ tahun, pencennya akan dipotong 30%. Dia sudah tua, tetapi keadaan kewangan bertambah kecil. Kalau pencennya ialah \$70 sebulan di waktu masa kini, apakah yang dapat dimakan oleh orang tua-tua ini?

Mereka ini sangat taat dan sangat berterima kasih mendapat pencen ini dan mereka adalah pengundi tetap kepada Barisan Nasional. Patutlah orang-orang sedemikian rupa kita bela. Kalau kita hendak beri pun dia pencen tak lama mana, semasa dia hidup sahaja. Kalau dia berumur 40-50 tahun, habis tinggi 10 tahun sahaja Kerajaan hendak tanggung, lepas itu dia meninggal, pencen itu akan pulang balik kepada Kerajaan.

Saya mencadangkan sedemikian rupa supaya pencen yang kecil tidak dipotong atau dihadkan. Jika balu-balu ini mendapat pencen \$300 ke bawah jangan potong pencen dia. Kalau dia mendapat \$300 atau \$500 lebih ke atas potonglah 30%, mereka boleh dapat hidup sempurna dengan kewangan yang sedemikian rupa. Ini adalah patut diambil perhatian yang berat oleh Kementerian Kewangan kerana sebagaimana yang saya katakan tadi mereka ini tidak akan hidup lama dan tidak menongkat dunia, Kerajaan tidak akan rugi membayar kepada mereka.

Sambil kita berjaya dalam perbuatan mengeluarkan barang-barang di negara kita **ini**, kita juga merasa bangga kerana kereta nasional kita telah menjalar di seluruh nagara dalam dunia ini, tetapi ada perkara-perkara yaag kecil tentang kereta ini tidak diambil perhatian agaknya dan akan menjadi tuduhan kapada Kerajaan kita. Kadang-kadang perkara ini kecil sahaja, iaitu Proton Saga kita ini saya telah selidiki ini kerana banyak pengaduan, 2-3 tahun kita pakai, air-connya itu rosak. Apabila diganti, dibuka, berlubang, maka terpaksa diganti baru yang harganya \$200 atau \$300. Untuk mengesahkan perkara ini, saya sendiri pergi melihat ke woksyop-woksyop Proton

sama ada benar atau tidak pengaduan ini, maka didapati banyakkah kereta-kereta ini yang sedemikian rupa sama rosaknya, tukar air-con, kena \$200-3300. Kalau perkara ini sampai ke luar negeri mereka juga akan berperasaan sedemikian rupa kerana kurang baik satu-satu part dalam kereta nasional kita. Maka pada masa depan sudahlah orang kurang berkehendakkan kereta kita sebab 2-3 tahun sahaja tahan, lepas itu sudah tak tahan. Ini juga berlaku, dan pada pandangan Kerajaan agaknya kacil perkara ini, tetapi kepada rakyat perkara ini adalah sata perkara yang besar dan mereka akan memperkatakan Proton tak bagus.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara dalara Akta Perbekalan ini, iaitu saya ingin berkata satu demi satu.

B.4 berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihanraya.

Saya rasa telah banyak rakan-rakan menyentuh supaya Suruhanjaya Pilihanraya ini semasa pembukaan pendaftaran semula patut kita pergi ke rumah-rumah. Pegawai-pegawai ini tidak duduk setempat sahaja, tetapi hendaklah ada pegawai-pegawai yang lain untuk bekerjasama dengan penduduk kampung atau Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan Kampung untuk pergi ke rumah-rumah mendaftar.

Saya ingin manunjukkan satu contoh dalam kawasan tempat saya, ada orang yang sampai umur dia 50 tahun pun tak pernah daftar dan tidak pernah mengundi. Walaupun perkara ini perkara kecil, tetapi orang-orang yang sedemikian rupa tidak rasa berat sebab dia hendak pergi sendiri dia tidak kuasa, tetapi kalau pegawai itu berjumpa dengan mereka menerangkan sesuatu perkara yang boleh menarik hati dia, maka orang ini boleh berdaftar dan kita sebagai penyokong-penyokong ini akan memberi keterangan sama. Jadi, kalau kita ada bekerjasama umpamanya di kampung-kampung ada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung kerjasama dengan

pegawai-pegawai pendaftaran ini, orang-orang sedemikian rupa boleh berdaftar. Kita juga boleh bekerjasama untuk mendaftarkan orang yang baru dewasa, iaitu genap umur dia 21 tahun. Tetapi perkara ini walaupun beberapa kali kita bercakap nampaknya orang Pulau Pinang kata, 'takuk lama juga' pada hal Barisan Nasional yang dipilih oleh rakyat ini adalah dengan hasil daripada daftar pemilih, pengundian daripada rakyat.

Saya menyentuh lagi beberapa perkara, iaitu B.12, Jabatan Perpaduan Negara.

Saya juga telah sempat hadir mendengar satu taklimat daripada Jabatan Perpaduan Negara, di peringkat negeri ada, tetapi di peringkat daerah tak ada perpaduan negara. Jadi tidak menyeluruh tugas-tugas itu kalau di peringkat negeri sahaja dan tidak ada yang kita boleh banggakan di atas tugas-tugas ini kerana tak nampak ataupun kalau ada satu-satu masa sahaja, itupun kepada orang yang tertentu untuk menunjukkan sahaja, hasilnya atau minatnya tidak ada. Jadi ini juga patutlah diperhatikan dan diambil berat supaya slogan kita 'Mari Bersatu', 'Perpaduan' itu tercapai, kalau tidak, macam mana sekarang bila ada satu partunjukan ataupun perhimpunan hendak menunjukkan bersatu padu, panggil, jemput macam itu, habis itu habislah, tak ada follow-up, tak ada ekoran dia daripada perjumpaan itu.

B.16, Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Saya rasa kawan-kawan pun telah menyentuh perkara **ini**, tetapi saya ingin juga bersama iaitu kita juga telah dapat mengetahui bahawa kereta-kereta bomba kita ini memang cantik dilihat tetapi kalau kita tanya umurnya sudah ada yang 25 tahun, 30 tahun. Kalau kita lihat keadaan yang ada dalam Bandar Kuala Lumpur, sahaja sepatutnya perkara-perkara ini tentulah lebih baik lagi sebab bangunannya **tinggi-tinggi**, orangnya **ramai**, jika

kebakaran berlaku sudah tentu tidak memenuhi kehendak kerana kereta-kereta bomba ini yang umurnya 25 tahun ini cantik dilihat sahaja, terutama sekali apabila pemimpin-pemimpin hendak datang digilap sehingga berkilat macam cermin, tetapi kekuatannya tidak sebagaimana rupa. Ini juga dengan adanya kewangan, tetapi saya tengok di sini peruntukannya kecil sangat, patut ditambah dan kereta-kereta ini patut dibaharui supaya ia lebih berfungsi lagi menghadapi pembangunan yang ada pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh kepada B.19, Kementerian Pertanian.

Kementerian Pertanian ini kita sangat bangga dengan hasil-hasilnya, iaitu dengan kempen-kempen mereka yang tidak pernah kita terlintas pada masa dahulu, kempen makan daging arnab, kempen makan ulam, kempen kelapa muda, kempen susu segar, tetapi yang tak buat saya rasa kempen tanaman.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya mohon maaf sebentar untuk membuat satu pengumuman. Selepas itu Yang Berhormat boleh sambung lagi,

Mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya dengan sukacita menjemput Yang Berhormat Dato' Tan Peng Khoon untuk mempengerusikan mesyuarat kita pada petang ini. Dipersilakan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Berkaitan dengan Kementerian Pertanian - Kementerian Pertanian sungguhpun menggalakkan, tetapi pada pandangan saya masih lagi belum ada petani-petani atau pun pekebun-pekebun kecil itu yang mata pencariannya melalui pertanian itu benar-benar tidak payah cari yang lain lagi. Mereka boleh buat sepanjang masa, kerana kalau kita kata kempen susu segar, sekejap, selepas itu, lain kali sudah tidak ada. Makan ulam begitu juga - untuk makan sahaja, tanamannya belum tahu. Begitu juga arnab - sate arnab, sepatutnya pertanian ini ia mesti menentukan petani-petani itu kepada satu-satu kerja yang boleh menjadi, kalau tidak kaya pun, senang, atau pun menjadi mata pencarian yang khas kepadanya, tidak sambilan.

Kalau hendak bertanam, bertanam berterusan. Bertanam jagung biar berterusan supaya hasil itu dapat membiayai keluarga itu atau pun mengurangkan Kerajaan kita mengimport barang-barang ini daripada luar, tetapi tidak sedemikian rupa, kebanyakannya sambilan. Kalau ada pun petani-petani itu berusaha sendiri adalah dengan minatnya. Kita cuma kemudian bantu dari belakang dan kita tidak begitu nampak petani-petani ini bertanam sebagaimana di negara-negara lain. Masih

kita nampak tanah lapang atau tanah rang yang tidak dikerjakan, pada hal kita mengimport jagung, mengimport lain-lain barang daripada negara asing. Begitu juga berternak lembu, kita masih beli daging-daging lembu daripada luar negeri.

Jadi kita tidak begitu menghasilkan dan menumpukan kepada petani-petani ini supaya mereka buat ini, jangan buat sementara sahaja. Dahulu pernah juga kita buat soalan mengapa jagung ini diimport daripada luar negeri. Jawapan daripada Timbalan Menteri Pertanian mengatakan jagung yang dibawa daripada negeri luar itu lebih murah kalau dibandingkan daripada bertanam. Ini kita tidak kira disebabkan tanaman itu lebih murah, tetapi kalau kita buat di negara kita dan tanam di negara kita, ramai orang boleh bekerja dan tanah negara kita tidak rang begitu - terbiar sahaja. Itu pada pandangan saya, sebab kita membelanjakan wang yang begitu banyak untuk Kementerian ini. Patutlah perkara-perkara sedemikian digalakkan kepada petani-petani.

Saya ingin menyentuh kepada Kementerian Pertahanan. Tadi kita telah dengar bagaimana Yang Berhormat Menteri kita menjawab soalan berkaitan dengan Kementerian Pertahanan yang sungguh kita kurang bernasib baik pada masa sekarang dengan jatuhnya Helikopter Nuri baru-baru ini. Belum sempat kesedihan kita ini selepas baru-baru ini, sudah menimpa pula pada 18hb Disember 1989, tetapi lebih teruk lagi, saya rasa perkara yang berlaku pada 18hb Disember 1989, kerana melibatkan Pegawai-pegawai Tinggi Tentera kita sehingga sampai 16 orang.

Ini juga kalau barang lama tukarkan, gantilah yang baru, sebab kita susah hendak mencari ganti pemimpin-pemimpin tentera yang begitu dedikasi yang telah meninggal dunia. Walaupun perkara ini

sudah takdir, tetapi ikhtiar harus kita perbaiki. Ada lagi satu, saya terbaca di dalam suratkhobar, ataupun laporan audit yang mana kurang cermat perbelanjaan sehingga berjuta ringgit harga barang yang tidak digunakan, iaitu kiwi kasut. Berjuta-juta ringgit, keras, tidak dapat dipakai, order yang baru. Ini laporan audit. Ini juga satu perkara yang menikam diri kita balik.

Masa ini tidak berbunyi, tetapi apabila pilihanraya, parti-parti Pembangkang menggunakan hujah-hujah ini menikam Kerajaan. Kita inilah yang mempertahankan di kampung-kampung dengan soalan-soalan semacam ini. Pada hal Menteri Kewangan kita amat teliti dan berjimat untuk menjaga kewangan supaya kita dapat hidup lebih baik, selesa dengan adanya kewangan, tetapi ada di bahagian-bahagian lain kurang cermat membuang dan membazir demikian rupa.

Ini juga patutlah pemimpin-pemimpin di pihak-pihak yang tertentu atau barang siapa yang terlibat itu merasa insaf, membazir ini bukan sahaja rugi di atas dunia, tetapi mengikut hukum Islam pun berdosa - menyalahi perkara-perkara yang sedemikian rupa. Inilah kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, menyedihkan dan merasakan kita ini benar-benar untuk hendak memperbaiki dan mempertahankan tohmah-tohmah Pembangkang, tetapi ada pihak-pihak yang ingin ataupun cuai melakukan perkara-perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga Kementerian Pendidikan. Telah berjuta-juta ringgit, jenuhlah Yang Berhormat Encik Anwar mengi-las bagaimana hendak menjawab. Sebabnya telah dibayar wang ataupun biasiswa kepada orang yang sudah habis belajar hingga berjuta-juta takkan tak sedar? Bagaimana gayanya? Cuba kita lihat di dalam Laporan Audit Negara dan juga laporan dalam suratkhobar dan kita

lihat Yang Berhormat Menteri menjawab di television. Ini semua menikam balik - menikam kepada Menteri, menikam kepada Kerajaan. Maka apabila kena pemimpin-pemimpin kita di peringkat Menteri-menteri **ini**, tidak lain tujuanya, kepada Perdana Menteri kitalah yang akan menjawab. Kasihan Perdana Menteri. Orang kahwin, orang seronok, dia pun kena juga. Ada masalah-masalah lain pun di bawahnya, kepada Perdana Menteri juga. Apabila pilihanraya, kepada Kerajaan kita jugalah yang kena.

Ini semua, Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai rakyat ataupun sebagai pemimpin politik ataupun di peringkat-peringkat Kerajaan, kita haruslah bekerjasama untuk mencari kesejahteraan hidup dalam negara yang kita cintai dan tiada lain negara tempat kita hendak pergi.

Inilah tanahair kita, yang harus kita jaga macam rumah kita. Kita harus jaga rumahtangga kita melalui semua perkara. Yang di dalam bidang politik, kita bekerja untuk mencapai negara ini supaya kita dapat pegang tampuk politik. Kepada kita yang bekerja makan gaji, kita pula menolong untuk membaiki keadaan supaya kita dapat hidup selesa sama-sama daripada hari ini hingga masa depan. Bukan untuk kita sahaja, tetapi anak cucu kita, bangsa kita ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pada B. 40 - Jabatan Penjara. Jabatan Penjara ini peruntukannya sedikit, masalahnya banyak. Membela orang salah, beribu-ribu, terapat tidak cukup. Mana yang pandai, dia cabut lari. Dia boleh lulus lari keluar, yang kena pegawai-pegawai. Ini juga patut kita perhatikan. Pada satu masa yang lampau Timbalan Menteri kita ada menyatakan bahawa banduan-banduan yang penagih dadah ini akan diasingkan dengan banduan-banduan yang salah lain, umpama jenayah atau macam-macam perkara lagi akan diasingkan. Adakah perkara ini telah berjalan? Saya rasa apa yang saya nampak tidak. Jadi, bagaimana, macam mana? Apakah kita bercakap, orang kata bercakap tidak serupa bikin, kita marah. Saya sentuh sedikit sahaja,

Selepas itu saya hendak sentuh lagi Kementerian Penerangan. Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Penerangan yang mana telah mengambil satu sikap mengubah tidak puas hatinya rakyat tentang lagu 'Alhamdulillah' dan saya terbaca suratkhobar pada 16 haribulan, kalau tidak silap muka depan, Utusan Malaysia bahawas bunga yang bergoyang-goyang pun tidak ada, sudah tidak dimainkan, alhamdulillah, syukur.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan di sini semasa saya buat soalan tambahan dalam perkara ini, saya nampak Setiausaha Parliman Kementerian Penerangan macam dia attack saya personally, seolah-olah saya bawa perkara itu macam saya punya idea sendiri. Bukanlah saya tidak ada idea, tetapi banyak pengaduan yang tidak puas hati. Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak yang bersekolah agama mereka juga tidak puas hati, kata ustaznya, tidak betul perkara macam itu. Macam mana ini pula bunga kayu bergoyang-goyang, Bila kita bercakap perkara-perkara itu, jawapannya daripada Setiausaha Parlimen boleh tengok dalam Hansard kita yang lepas, attack kita balik. Kita yang datang sini sabagai Senator, kita banyak juga orang di belakang kita walaupun tidak ada pengundi, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kita banyak penyokong, kalau kita tidak memegang satu-satu jawatan, mustahil kita dapat dengan begitu sahaja menjadi Senator dalam Dewan yang mulia ini. Perkara-perkara ini kalau dibawa oleh Senator-senator di dalam Dewan, bukan attack Senator itu untuk hendak lepas geram. Perkara ini patut diperhatikan, bukan sahaja Kementerian Penerangan tetapi yang lain-lain yang berkenaan.

Saya suka juga menyentuh kepada perkara lain iaitu Kementerian Pengangkutan iaitu B.47.

Saya ingin bertanya berkaitan dengan Lapanganterbang Antarabangsa Subang. Penerbangan dalam negeri semua di Terminal Dua, Antarabangsa di Terminal Satu. Tidak mengapa, kita tahu oleh kerana banyak penumpang-penumpang untuk hendak kurang sibuk pergi ke Terminal Dua penerbangan dalam negeri. Bagaimana kalau kita kata kerana hendak jimat? Pada satu hari saya hendak balik ke Pulau Pinang, menaiki kapalterbang di Terminal Dua, ada juga penumpang-penumpang daripada luar negeri yang datang ke Malaysia ini, mereka

juga hendak melancong ke Pulau Pinang dan mereka akan naik di Terminal Dua. Sewaktu naik bas daripada Terminal Dua hendak pergi naik kapalterbang, kata seorang daripada pelancong luar negeri itu, dalam dunia ini tidak ada lapanganterbang yang buat sedemikian rupa, hanya Malaysia. Macam mana kita hendak jawab. Daripada Terminal Dua naik bas berasak-asak, tempat duduk tidak ada, kadang-kadang terenjut-renjut, kalau kita tua ataupun orang muda pakai kasut tumit tinggi, silap-silap tidak pegang terduduk. Jadi, ini adakah sementara atau selama-lamanya demikian rupa? Patut kita ambil perhatian sepatah kata daripada pelancong demikian rupa. Dalam bas yang menumpang begitu ramai, semua orang faham, ini tidak banyak, sedikit menjejaskan imej kita yang patut diperhatikan, tetapi kadangkala kalau kita sampaikan perkara semacam **ini**, ini perkara kecil jawab pihak berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh **B.49** - Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Kita berasa bangga juga kerana setelah diswastakan, kita dapat laporan daripada Syarikat Telekom dapat untung. Tetapi kepada wanita ada sedikit yang saya hendak sampaikan yang mana perkara ini telah dibincangkan oleh beberapa orang minta saya bercakap di dalam Dewan ini iaitu di kaunter-kaunter Telekom, ramai wanita-wanita yang bertugas di sana. Adakalanya wanita-wanita ini yang memakai tudung macam saudari yang depan sana, kepala tutup nampak muka sahaja. Syarikat ini mengambil pegawai-pegawai diberi kursus solekan, diajar macam mana menyolek untuk hendak diberi cantik dan juga pakaian-pakaian dan cara-cara berjalan pun diajar supaya orang ini akan duduk di kaunter-kaunter. Siapa yang pakai tudung-tudung ini, yang bertudung ini akan ditolak ke dalam, tidak boleh duduk depan. Ini berlaku. Apakah negara kita ini agama rasminya Islam? Mereka yang macam ini tidak boleh duduk depan sebab pakai tudung macam saya, tidak boleh duduk depan, tidak cantik. Suruh duduk sebelah belakang, tidak payah jaga kaunter.

Ini juga perkara kecil tetapi besar ertinya kerana Kerajaan kita mencanang dan melaungkan generapan nilai-nilai Islam. Tetapi perkara macam ini mungkin tidak keluar dan tidak diketahui. Maka untuk kita mendapat ketahui, di sinilah tempatnya kita hendak beritahu kepada Kerajaan.

Menyentuh berkenaan maksud B.51 - Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kita berasa syukur oleh kerana bantuan-bantuan banyak diberikan kepada orang-orang tua di kampung-kampung. Tetapi kalau dahulu, sejak berpuluh tahun dia dapat \$30, sampai hari ini harga barang-barang mahal pun bantuan itu masih \$30 juga, sedangkan kemajuan negara kita telah meningkat sedikit, maka patutlah bantuan ini dinaikkan sedikit, tambahan imbuhan kepada orang-orang tua yang kita beri bantuan itu.

Kalau dinilai \$30 sebulan, betullah dia boleh beli beras, tetapi keperluan yang lain dia tak upaya hendak beli. Kadang-kadang dia hendak pergi mengambil wang bantuan itu susah, dia kena menggunakan belanja juga daripada duit \$30 itu. Jadi ini patut kita perhatikan, patut kita memberikan tambahan sedikit imbuhan atau dilebihkan bantuan kepada mereka ini supaya mereka dapat merasai nikmat kemerdekaan tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya hendak sentuh sedikit sahaja lagi berkenaan perkara-perkara yang berkaitan dengan Maksud Bekalan B.54 - Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Kita mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini kerana benar-benar telah mengambil berat, memberikan pendidikan dan pengetahuan di kampung-kampung di luar-luar bandar dengan mengadakan kelas-kelas

taman bimbingan kanak-kanak, memberi kursus-kursus yang baik kepada guru-gurunya dan guru-guru itu akan menyebarkan pengetahuan mereka di kampung-kampung iaitu yang dipanggil "PM" atau Pembantu Masyarakat.

Pembantu Masyarakat ini bekerja di kampung-kampung. Mereka hanya mendapat bayaran gaji bulanan sebanyak \$380 sebulan. Kerja mereka 24 jam. Kalau dia jadi guru TADIKA, sama ada pagi atau petang tak kira, gajinya sebanyak itu juga. Selain daripada itu, dia juga bekerja untuk masyarakat kampung. Malahan mereka juga bekerja menolong menjalankan perkara-perkara kabajikan yang lain.

Kalau kita hendak mengadakan terutama hendak menghadapi pilihanraya akan datang, mereka juga bekerja lebih kuat lagi menentukan "ketua sepuluh" di kampung-kampung. Ini nasib PM-PM, Penyelia-penyelia Kemas, sungguh banyak kerja dan tanggungjawab mereka. Sentiasa bekerja. Tidakkah kita ada belas kasihan untuk memberikan kepada mereka lebih sedikit daripada gajinya sekarang.

Dan ada lagi perkara-perkara yang menyulitkan atau yang merupakan pembaziran iaitu kita tunjak satu contoh, umpamanya ada kelas bimbingan, kanak-kanak ini akan diberi makanan berbagai-bagai rupa. Tetapi kadang-kadang kala barang-barang makanan yang dibeli itu berlebihan. Ada PM-PM Kemas ini mereka tak berani hendak buka mulut. Jadi, carilah Senator-senator, ketua-ketua macam kita ini tempat mengadu. Ini juga patut diperhatikan, kadang-kadang makanan itu berlebihan dan "kesudahannya kemana? Terpaksa dibuang. Umpamanya beras, kalau seguni hendak disimpan sampai setahun tak tahan. Beras itu akan dimakan bubuk. Perkara ini patut para pemimpin yang berkenaan perhatikan dan patut sekali sekala buat lawatan mengejut

di kelas-kelas bimbingan, kerana bahan-bahan makanan itu terlampau banyak dibekalkan sehingga melebihi yang sepatutnya. Selepas itu apabila tak habis, dibuang. Kita hendaklah jimatkan belanja. Tak usahlah mencari dosa dengan membuang makanan. Kalau Tuhan balas kita nanti di suatu hari, mungkin kita kering tak makan,

Dan ada lagi perkara-perkara yang kurang baik pada padangan saya dan juga saya rasa kawan-kawan kita yang sama-sama pergi berkempen dalam pilihanraya. Mereka bekerja keras untuk mencapai kejayaan kepada calon-calon kita. Kadang kala tak kena masa, tak kena tempat. Untuk mempengaruhi orang datang, dibuat satu demonstrasi, pertunjukan. Selepas itu hendak beri ceramah, dia jadi bercelaru. Duit habis, panerangan tak sampai, pelajaran pertukangan tangan itu pan tak sampai. Saya bercakap macam ini, saya percaya pihak-pihak yang berkenaan itu akan faham. Maka ini juga patut diperhatikan dan kita perlu ubah caranya untuk memperbaiki keadaan pada masa-masa yang akan datang, kerana kita pasti, saya rasa tidak lama lagi akan menghadapi pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Maksud B.15 iaitu mengenai Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang juga diperuntukkan belanja yang banyak.

Saya ingat kalau di sini disebutkan "Jabatan Perancang Desa", tak berbangkit persoalan. Tetapi apabila disebut "Bandar dan Desa", selalunya "bandar" dahulu, "desa" kemudian, yang desa ini tak ada perancangan,

Perkara **ini**, pada masa yang akan datang perancangan kita harus diberatkan kepada kawasan "Desa". Saya dengar ataupun baru sahaja lagi Perdana Menteri kita berucap di Muar bahawasanya penduduk

bandar ini memang mereka tak beri undi kepada Kerajaan, memang mereka tolak Kerajaan. Kita rancang bandar, buat macam mana cantik, buat macam mana banyak kemudahan, pengundi tetap tolak Kerajaan. Tetapi di luar bandar, di desa tidak demikian. Apakah salahnya kali ini kita lebihkan perancangan desa **itu**, kerana di sinilah tapak kekuatan pemerintahan negara ini yang menyokong pemerintahan negara ini.

Kita harus perkuatkan desa ini dan berikan segala kemudahan yang lain. Ada setengah-setengah kampung, Tuan Yang di-Pertua, tak ada langsung tempat permainan kanak-kanak pun. Tetapi kalau di bandar, kita berjalan setengah, daripada lorong ini ke lorong ini, sudah ada kemudahan yang lain, tetapi di luar-luar bandar tak ada langsung padang permainan kanak-kanak. Perancangan apa kalau begini? Saya duduk di Bukit Gelugor, kawasan Parlimen Karpal Singh, tetapi saya bertugas untuk parti dalam kawasan Balik Pulau. Sudah 32 tahun kita merdeka, saya rasa tidak ada satu pembangunan yang boleh rakyat di situ banggakan sebagai hasil kemerdekaan. Ada tak ada pun hanya satu Maktab Rendah Sains MARA. Selain daripada itu tidak ada, sedangkan Pejabat Daerahnya sudah sambut penubuhannya 100 tahun. Punya lama. Lain-lain kemudahan tak ada.

Kita rancang bandar dan desa. Desa mana yang dirancang? Begitu juga di negeri-negeri lain. Jawapan hari itu ada saya dengar semua kalau dalam Negeri Pulau Pinang ini tidak ada rumah yang tidak dapat elektrik dan air Betul. Tetapi yang lain-lain kemudahan, tidak ada. Sama juga.

Jadi ini kadang-kadang rakyat bercakap. "Saya sokong Barisan Nasional, dapat apa? Saya duduk lagu itu juga". Kadang-kadang bercakap dia itu sekali imbas, termakan. Ini juga patut kita rancang desa. Merancang dan beri wajah yang baru. Apa yang patut kita buat, adakan kraftangan, betul-betul tumpukan beri rakyat dalam kampung itu buat kerja ini. Susunkan melalui Jabatan-jabatan KEMAS. Jangan kita buat sedikit sana, sedikit sini, tidak sampai ke mana; tidak cukup cari makan. Jadi ini kadang-kadang hari demi hari berjalan, tahun demi tahun berganti, pilihanraya silih berganti. Kita duduk macam itu juga. Ini kurang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri ucapan saya. Sebelum saya duduk, saya ingin menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan ucapan-ucapan. Kalau dahulu kita bercakap dalam bahasa, saya telah mengatakan "berbudi bahasa". Tetapi kadang-kadang kita mendabik dada, kitalah orang yang terpilih, yang dipilih ataupun intan terpilih. Tetapi kadang-kadang tak tahu hendak kata macam mana, macam orang ketagih, air liur meleleh.

Menggunakan perkataan-perkataan yang kurang sopan di dalam Dewan yang mulia ini. Kita ada peraturan. Patut kita perhatikan atau ambil pengertian ucapan perkataan-perkataan yang kita hendak

keluarkan. Umpamanya, kita mengata biadap atau menyumpah "dilaknati Allah, di jauhkan Allah". Ini patutlah kepimpinan menjadi teladan. Kalau kita anggap kita pemimpin, kita hendaklah berbudi bahasa apabila berkata-kata. Kalau kita hendak tunjuk emosi, orang lain pun boleh tunjuk emosi. Tetapi kadang-kadang ada pihak-pihak yang dia tidak boleh keluarkan kata hanya masuk sahaja dengar, hendak lepaskan tidak boleh. Umpamanya di kiri kanan kita ini pegawai-pegawai Kerajaan. Kita dabik dada, kita orang politik hendak menegakkan begitu begini - benar. Siapa pun tidak kata Tetapi kita mestilah bersama-sama dengan pegawai-pegawai kita **ini**. Mereka bekerja, kita membuat dasar, jadi tidaklah sampai kita marah hingga minta atau menyumpah "dilaknati Allah". Saya masih terdengar-dengar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya kalau silap cakap **ini**, boleh betulkan. Saya telah mendengar satu syarahan agama iaitu kalau kita menyumpah ataupun kita berdoa untuk satu-satu keburukan, Allah akan angkat doa itu serta-merta. Maka doa ini akan mengelilingi ke mana tempat dia hendak jatuh, hendak dijatuhkan doa yang melaknati. Kalau tidak sampai kepada yang dituduh, maka akan pulang balik kepada orang yang menyumpah. Ini kita kena takut. Ini perkara betul, hukum Islam.

Saya sangat terkejut apabila perkara ini berlaku dalam Dewan ini bahawasanya kerana terlalu hangat kepada pekerja-pekerja, pegawai-pegawai kita yang kurang membuat kerja atau macam mana; saya bukan hendak jack tuan-tuan dan puan-puan, tidak **ada**; cuma yang betul, kita harus cakap betul. Kalau kita, macam saya kata tadi buat dasar, kita menentukan kepimpinan negara; tuan-tuan di jabatan

menjalankan tugas untuk kemajuan atau apa sahaja, mari kita bekerjasama. Mari kita bersatu-hati bekerja sama untuk kejayaan bangsa kita. Untuk kejayaan negara kita yang kita cintai; saya ulang lagi sekali. Kita tidak akan pergi ke mana, tak usah bijak setakat mana pun. Inilah tempat kita hidup atau mati. Jadi apa guna kita bertelagah antara satu sama lain.

Kita sentiasa mendengar pemimpin kita mengajak bersatu-padu kerana bersatu-padu itu kita akan kuat dan teguh, tidak kira apa bangsa. Kalau kita hidup aman, damai dalam negara kita ini, semua perkara kita dapat lakukan. Yang pandai, yang rajin, dia boleh bekerja mencari kekayaan dan tidak ada had. Tidak ada had; awak boleh cari kekayaan setakat ini, tidak. Apa bangsa pun, baik orang Melayu, baik orang Cina, baik orang India, baik siapa sahaja. Jadi ini negara kita, ini tempat tumpah darah kita, inilah tempat kita hendak hidup. Inilah negara kita hendak mati. Maka apa yang patut Kerajaan lancarkan untuk kerja yang baik, sama-sama kita sokong.

Jadi, itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, pendapat saya dan saranan saya semoga kita hidup bersatu-padu, aman sentosa dalam negara kita yang kita cintai. Dengan ini, saya menyokong satu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Habidah.

5.08 ptg.

Puan Hajjah Habidah binti Yusof: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama

dengan rakan-rakan di dalam menyokong dan membahas Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk peruntukkan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, yang mana pembentangannya telah pun dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Paduka Daim Zainuddin, Menteri Kawangan Malaysia di Dewan yang mulia ini pada 18hb Disember yang lepas.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kewangan kita yang mana dengan pembentangan Rang Undang-undang yang sebegini rupa adalah sebagai satu tuah, nikmat dan rahmat kepada golongan yang berpendapatan rendah di samping tidak mendatangkan beban kepada pihak-pihak lain dan juga sebagai kesinambungan kepada dasar-dasar Karajaan di masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perbekalan 1990 ini adalah amat melegakan kepada rakyat terutama pangurangan cukai barang keperluan harian dan memberi peluang yang luas kepada rakyat untuk meningkatkan ekonomi melalui pelbagai kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan dengan beberapa kemudahan kepada kakitangan awam termasuk juga melonggarkan syarat-syarat untuk mendapatkan pinjaman perumahan dan persaraan bagi kakitangan.

Walaupun Rang Undang-undang Perbekalan 1990 ini tidak lepas daripada pandangan, kritikan dari pihak-pihak yang tertentu tetapi secara keseluruhannya Rang Undang-undang ini adalah lebih baik sejak beberapa tahun yang lalu yang terpaksa diselaraskan dengan kelembapan ekonomi dunia.

Dengan pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan ini memberi harapan baru kepada rakyat untuk menghadapi tahun depan yang lebih mencabar kerana ia bukan sahaja memasuki dekad baru tetapi juga memperlihatkan tamatnya Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi \$14,786,630,980 daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 yang mana wang tersebut itu diperuntukkan bagi Maksud-maksud yang dinyatakan iaitu sebanyak 54 Maksud semuanya, saya hanya ingin menyentuh kepada beberapa perkara sahaja.

Pertamanya, ialah B.18 - Kementerian Perusahaan Utama yang mana Kementerian ini mendapat peruntukan sebanyak \$87,395,600. Melihat kepada perkembangan pengeluaran barang-barang buatan bahan tempatan yang boleh diusahakan oleh masyarakat desa ialah barang-barang buatan dari bahan-bahan rotan dan kayu-kayan. Kerajaan perlu mengadakan satu jabatan khas bagi meninggikan lagi barang-barang perusahaan rotan dan kayu ini untuk bersaing dengan negara-negara lain bagi dijadikan bahan eksport yang menguntungkan dan memberi banyak pekerjaan kepada masyarakat desa secara menyeluruh. Galakan perlulah diperhebatkan lagi bukan sekadar menggesa bahkan memberikan peruntukan yang sesuai bagi kemajuan perusahaan rotan dan kayu ini.

Di samping itu kita juga mesti sedar bahawa bahan-bahan asli itu perlulah ditanam semula bagi membanyakkan lagi tumbuh-tumbuhan yang berbentuk begitu. Untuk itu satu organisasi yang sesuai perlulah ditubuhkan bagi bukan sahaja meninggikan pengeluaran bahkan

memperhebatkan lagi mutu dan kualiti barangan keluaran negara ini di dalam bidang berkenaan.

Adakah Kerajaan sedar bahawa terdapat pencari-pencari rotan yang amat berkesan dan amat setia kini ialah terdiri dari orang-orang desa dan orang-orang Asli yang jauh di pedalaman dan mereka itu biasanya kurang mendapat pembelaan yang sewajarnya? Oleh itu pihak yang bertanggungjawab selain daripada memudahkan cara, perlulah memandang sama dari segi kebajikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Maksud B.25 - Kementerian Pertahanan, sebagaimana yang kita semua sedia maklum, kehilangan dua pegawai tinggi Tentera bersama dengan 14 pegawai yang lain di dalam kemalangan helikopter Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di muara sungai berhampiran. Kuala Sandang, Lundu, Sarawak kelmarin, sesungguhnya bukan sahaja dirasakan oleh keluarga mereka dan seluruh Angkatan Tentera bahkan oleh setiap rakyat dan negara dan saya juga turut bersama-sama dengan rakan-rakan melalui Dewan yang mulia ini mengucapkan takziah kepada seluruh keluarga mereka dan jasa mereka tetap bersinar di dalam sejarah bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada 19hb November, 1989 yang lalu, sebuah helikopter Nuri TUDM terhempas dan mengorbankan semua 21 penumpang termasuk beberapa anggota polis hutan di hutan Gunung Perah di sempadan Perak/Kelantan. Oleh itu nahas kelmarin bukan sahaja amat memeranjatkan bahkan sekaligus mengajak kita memberi perhatian berat setidak-tidaknya berhubung dengan pesawat Nuri. Walaupun sehingga kini kita masih belum tahu apakah hasil siasatan yang dijalankan berhubung dengan kemalangan yang berlaku di sempadan Perak/Kelantan

bulan lalu namun kita berpendapat bahawa pihak terbabit bertanggungjawab memberikan jawapan segera yang mungkin sama ada kemalangan kelmarin berpunca daripada masalah teknikal semata-mata atau disebabkan oleh kelemahan-kelemahan yang membabitkan manusia belaka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana helikopter yang terhempas di dalam tempoh hanya 10 minit selepas berlepas dari pengkalan Udara TUDM Kuching dan kira-kira 5 minit sebelum itu Juruterbangnya melaporkan pesawat berkenaan mengalami kerosakan enjin, selain daripada keadaan cuaca buruk. Sesungguhnya di dalam hal ini kita tidak mahu menuduh sesiapa dan kita juga maklum bahawa, "kita semua adalah mentadbir, menyusun sesuatu itu tetapi Allah yang mentakdirkan". Namun semua yang berlaku pasti ada sebab dan musababnya, dan atas hakikat inilah penjelasan itu amat diperlukan dan perlu diingat kemalangan udara kelmarin itu adalah yang kelapan sejak tahun 1969 dan yang ketiga tahun ini dalam tempoh 39 hari. Semuanya membabitkan helikopter TUDM jenis Nuri.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua merasa agak kesal dan kecewa, mengapakah pihak Pertahanan Negara kita agak kerap menerima nasib malang yang berulang kepada Angkatan Tentera kita? Sekiranya peruntukan yang diberi oleh Kerajaan tidak mencukupi, maka diharapkan pihak Kerajaan hendaklah menambahkan lagi peruntukan tersebut kepada Kementerian Pertahanan kerana tugas menjaga keselamatan dan keamanan negara adalah tugas yang amat berat yang terpaksa dipikul oleh pihak pertahanan negara. Oleh itu dicadangkan supaya pihak Kementerian hendaklah membeli alat-alat perkakas dan juga kapal-terbang ataupun helikopter yang baru bagi tujuan pertahanan negara.

Apa guna beli alat-alat yang sudah buruk ataupun second-hand, dengan izin, kerana ini boleh mengorbankan nyawa Angkatan Tentera sendiri.

Saya juga mencadangkan supaya kapalterbang ataupun helikopter serta alat-alat yang sedia ada hendaklah diperbaiki betul-betul, jangan dibuat secara sambil-lewa sahaja ataupun janganlah yang tidak 100% baik atau pulih disuruh digunakan juga. Saya mencadangkan juga supaya pihak Kementerian Pertahanan melengkapkan alat-alat ganti supaya mencukupi. Satu soalan yang saya ingin kemukakan di sini ialah daripada jumlah kapalterbang ataupun helikopter yang ada sekarang yang digunakan oleh Kementerian Pertahanan itu, sebenarnya berapa buahkah yang betul-betul boleh terbang dengan baik?

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Maksud B.26 - Kementerian Pendidikan, yang mana peruntukannya adalah sebanyak \$4,664,243,600 yang telah diperuntukkan kepada Kementerian ini. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan Encik Anwar Ibrahim kerana peruntukan yang begitu banyak diperuntukkan di bawah Kementerian Yang Berhormat. Walaupun Yang Berhormat sendiri tidak ada di Dewan yang mulia ini, tetapi saya ingin mengucapkan tahniah kerana begitu banyak sekali diperuntukkan kepada Kementerian beliau. Juga kita merasa amat bangga kerana Yang Berhormat telah dipilih menjadi Pengerusi Badan Pelajaran Sosial Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) baru-baru ini. Dengan pemilihan ini bererti dunia telah mengiktiraf Malaysia dari segenap bidang dan telah menjadi sebuah negara yang popular di saat ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pelaksanaan KBSR dan kemudian diikuti dengan KBSM adalah merupakan langkah positif Kementerian Pendidikan dalam meningkat dan menjamin mutu pendidikan di Malaysia. Pujian, penghormatan dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat menjayakannya khususnya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dari pemerhatian dan penelitian saya serta didasarkan kepada rungutan dan komen daripada ibubapa murid-murid, nampaknya wujud semacam satu masalah di mana dengan pelaksanaan KBSM khususnya timbul masalah tidak cukup masa belajar apa lagi untuk beriadah atau bermain dan berihat. Keadaan ini berlaku di sekolah-sekolah menengah yang ada dua sidang iaitu pagi dan petang. Apa yang dimaklumkan kepada saya, oleh kerana bagi tiap-tiap waktu pengajaran ditetapkan dan diarahkan oleh Kementerian Pendidikan selama 40 minit, maka kesukaran dan ketidakcukupan masa berlaku kepada sekolah-sekolah yang ada sidang pagi dan petang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, pengetua atau guru-guru mengamalkan satu langkah mengatasinya. Saya dimaklumkan ialah dengan menyuruh murid-murid iaitu yang sidang petang untuk menetapkan jadual waktu itu mestilah bermula lebih awal lagi pada hari-hari tertentu. Oleh itu, ada di antara murid-murid itu terpaksa datang ke sekolah sejak dari pukul 10.30 pagi dan berakhir pukul 6.30 petang. Masalah yang timbul ialah waktu belajar yang agak panjang ini boleh membebankan dan membosankan. Yang kedua, kesukaran pengangkutan murid ke sekolah terutama bagi murid-murid di luar bandar dan ketiganya, kesukaran kepada ibubapa bagi menyiapkan makanan. Tetapi masalah satu dan dua iaitu waktu yang agak panjang sarta kesukaran pengangkutan itu patutlah diberi perhatian yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah ini mungkin tidak timbul jika semua murid sekolah belajar satu sidang iaitu pagi sahaja dan walaupun ada usaha ke arah itu tetapi tentulah memakan masa dan sementara itu murid-murid yang menjadi mangsa. Oleh itu, saya ingin

mencadangkan agar dapat diberi pertimbangan di dalam menghadapi masalah ini,

Pertamanya, cadangan saya sekolah satu sidang pengajian mesti disegerakan. Sehubungan dengan **itu**, adalah elok tiap-tiap sekolah menengah mempunyai jumlah muridnya tidak melebihi 1,000 orang atau 30 buah bilik darjah sahaja kerana masalah pengurusan dan disiplin murid mungkin boleh diatasi nanti. Juga memberi peluang lebih ramai guru-guru dilantik menjadi Pengetua ataupun Guru Penolong Kanan (GPK) dan juga lain-lain. Dengan **ini**, rungutan peluang naik pangkat di kalangan guru-guru pula diminimakan.

Yang kedua, penetapan bagi tiap-tiap waktu 40 minit bagi satu-satu pengajaran mesti dikurangkan menjadi 30 minit atau 35 minit sahaja.

Satu perkara yang mesti juga diambil kira ialah waktu sembahyang Zuhur dan Asar bagi murid-murid beragama Islam boleh diatur dengan lebih sempurna atau mana-mana mata pelajaran yang difikir boleh ditangguhkan, tidak perlu dimasukkan ke dalam jadual pengajaran rasmi. Pelajaran itu boleh diajar secara sampingan sahaja, misalnya mata pelajaran Kemahiran Hidup dan saya kira dengan adanya sedikit pindaan dan pengubahsuaian di dalam KBSM sementara menunggu segala peralatannya lengkap, insya Allah, kita akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang patut saya sebutkan di sini oleh kerana pentadbiran pendidikan di Malaysia kini amatlah elok dan sesuai sekali dititikberatkan di dalam bidang keagamaan kerana bidang inilah yang menjadi teras di dalam pembentukan masyarakat di negara ini. Dan untuk tidak menjadikan pelajar-pelajar kita di seluruh negara menjadi liar maka sudah sewajarnya pendidikan agama itu ditadbirkan oleh Kementerian Pendidikan sahaja dan sudah sampai waktunya Sekolah-sekolah Menengah Agama anjuran Kerajaan Negeri yang ada sekarang diambilalih dan ditadbirkan oleh Kementerian Pendidikan sendiri memandangkan kelemahan-kelemahan yang

terdapat di Sekolah-sekolah Menengah Agama yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri seperti masalah-masalah mengenai pentadbiran, mengenai skim gaji guru-guru, mengenai ko-kurikulum, mengenai kejiwaan anak-anak yang belajar di situ di mana problem-problem ini akan dapat diselesaikan seandainya Kementerian mengambilalih kesemua sekolah tersebut.

Mengenai pentadbiran sekolah, misalnya, tidak cukup kakitangan, sistem pencen guru-guru yang bercelaru, gaji guru-guru, juga manfaat guru-guru yang tidak seragam, lambat untuk mengambil tindakan perubahan gaji bagi guru-guru dan sebagainya, ko-kurikulum yang tidak berjalan salancar di sekolah di bawah Kementerian, bangunan-bangunan sekolah dan asrama-asrama lambat didirikan dan tidak sesuai dengan perkembangan serta pertambahan kemasukan pelajar-pelajar dan sesetengahnya pula terpaksa menolak dengan begitu ramai pelajar-pelajar yang ingin belajar di sekolah tersebut. Maka sebab itulah cadangan ini dibuat untuk menjadi lebih baik dan licin serta teratur dan peruntukan-peruntukan Kerajaan Negeri itu bolehlah digunakan untuk memajukan perkara-perkara yang lain yang berhubung dengan keagamaan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah Skim Pinjaman Buku Teks adalah janggal dan rasanya tidak logik kalau terdapat hampir 95% murid-murid yang layak menerima Skim Pinjaman Buku Teks bagi sesebuah sekolah. Mungkin ada satu atau dua sekolah atau bilangan kecil sekolah yang mempunyai kelayakan sedemikian tetapi apakah Kementerian Pendidikan mempunyai rekod dan berdasarkan rekod itu mambuat survey, dengan izin, bagi menentukan kesahihannya.

Tuan Yang di-Pertua, di luar bandar mungkin juga Guru Besar atau Pengetua terpaksa memberi pinjaman buku teks kepada murid-murid yang tidak layak kerana memikirkan kesukaran murid-murid itu

membelinya. Jadi, bagaimana hendak mengatasi masalah ini atau juga buku-buku teks berlebihan terlalu besar jumlahnya, ini berlaku kerana ada sekolah-sekolah yang pandai mengguna dan menjaganya. Tambahan pula, Skim Gantian 20% oleh skim ini sendiri. Oleh itu, eloklah satu tinjauan dibuat secara teratur bagi menentukan pembaziran tidak berlaku di samping tidak menimbulkan masalah kepada pelajar-pelajar dan pengajarannya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Skim Pinjaman Buku Teks bagi Tingkatan 6 adalah didapati sistem sekarang rasanya tidak tepat dan sesuai. Ini adalah kerana buku-buku teks Tingkatan 6 kebanyakannya tebal-tebal dan mahal harganya. Murid-murid di Tingkatan 6 juga perlu banyak buku rujukan bagi satu-satu mata pelajaran. Daripada apa yang difahamkan, murid-murid Tingkatan 6 tidak gemar membawa buku-buku teks ke sekolah. Mereka lebih suka mentelaah ataupun membaca di perpustakaan. Oleh itu, dicadangkan buku teks Tingkatan 6 ini dibekalkan kepada sekolah bukan kepada murid-murid untuk dijadikan buku rujukan. Oleh itu, semua judul buku teks patut ada di perpustakaan Tingkatan 6 untuk tujuan tersebut. Jadi, adalah tidak sesuai Sistem Gantian 20% itu juga diberikan kepada Skim Pinjaman Buku Teks bagi Tingkatan 6. Apa yang difahamkan kepada saya, terdapat sekolah-sekolah yang ada Tingkatan 6 itu mempunyai Buku Teksnya berlebihan sehingga seperti sepuah gudang. Perkara ini perlu disiasat supaya kebimbangan itu tidak menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengemukakan satu soalan, apakah akan terjadi kepada buku-buku teks yang telah dibekalkan ke sekolah-sekolah dan tidak sesuai atau tidak dipakai lagi apabila KBSM dilaksanakan? Kerana ada di antara buku-buku teks itu masih baru dan belum digunakan lagi. Adakah semua itu akan dihapuskan untuk disimpan di sekolah-sekolah atau di mana? Masalah yang sekolah menghadapi ialah tidak mencukupi stor atau tempat simpanan selamat seperti yang dilaporkan oleh pihak audit negara. Jadi, apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan?

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan dua skim perkhidmatan pendidikan iaitu siswazah dan bukan siswazah. Pada masa ini satu isu yang hangat diperkatakan terutama di kalangan pagawai-pegawai pendidikan ialah pelaksanaan dua skim perkhidmatan pendidikan - siswazah dan bukan siswazah. Sekali pandang nampaknya golongan bukan siswazah mendapat faedah yang baik kerana gaji mereka akan ditingkatkan, manakala bagi mengambil hati golongan siswazah dikatakan peluang naik pangkat mereka lebih terbuka. Walau apapun, semua pegawai pendidikan akan mendapat faedah, tegas Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Persoalan saya ialah mengenai syarat-syarat di mana guru-guru bukan siswazah itu dikehendaki menghadiri dan lulus kursus khas yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Apa yang saya ingin tahu ialah kenapa jangka kursus itu berbeza-beza - ada 8 minggu, ada 6 minggu dan ada 4 minggu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang difahamkan kepada saya pada masa **ini**, kursus itu dikendalikan oleh Institut Aminuddin Baki. Apakah kursus ini tidak boleh dikendalikan oleh Bahagian Pendidikan Guru, kerana kandungan kursus itu nampaknya sebahagian besarnya menyamai kurikulum di Maktab Perguruan. Jadi, bahagian manakah yang lebih pakar di dalam hal ini, dan bagaimana hubungkait Institut Aminuddin Baki dengan Bahagian Pendidikan Guru di dalam hal ini, dan bagaimana pula pemilihan pensyarah-pensyarah di Maktab Perguruan?

Tuan Yang di-pertua, mengenai skim perkhidmatan bagi guru siswazah pula, nampaknya peluang kenaikan pangkat mereka mula

terbuka dari tangga biasa ke tangga jawatan kanan iaitu A19-A11. Persoalan yang timbul ialah apakah tidak ada langkah atau cara untuk menyelamatkan kepakaran atau kesesuaian kebolehan akademik yang mereka miliki. Contohnya pensyarah-pensyarah di Maktab Perguruan yang mempunyai pengalaman dan kelulusan akademik peringkat Sarjana, iaitu M.A, dikehendaki bertukar menjadi Pengetua atau Penolong Kanan di Sekolah-sekolah Menengah, mereka sudah pasti tidak boleh menolaknya kerana peluang kenaikan pangkat, tetapi yang nyata ialah satu pembaziran akademik telah berlaku. Apakah pensyarah-pensyarah atau pegawai-pegawai pendidikan yang mempunyai kelulusan dan kepakaran di dalam bidang tertentu itu tidak boleh dinaikkan pangkatnya tanpa ditukarkan ke sekolah-sekolah atau ke bahagian-bahagian lain yang tidak bersangkutan dengan kebolehannya.

Tuan Yang di-Pertua, herhubung dengan soalan **ini**, saya ingin tahu berapakah jumlah pegawai-pegawai pendidikan kita yang mempunyai kelulusan Sarjana iaitu M.A dan berapa ramaikah di antaranya yang terpaksa ditempatkan di sekolah-sekolah dan kalau jawapannya lebih 50% ditempatkan di sekolah-sekolah, cadangan saya, pertamanya, janganlah menghantar ataupun buka peluang iaitu memberi biasiswa kepada mana-mana pegawai pendidikan yang hendak membuat Masters Degree, dengan izin, kerana ini membazir sahaja, lebih baik wang itu digunakan untuk mendirikan sekolah-sekolah supaya semuanya menjadi satu sidang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Maksud B.32 pula iaitu Jabatan Hasil Dalam Negeri, yang mana sebanyak \$96,714,600 telah diperuntukkan untuk Jabatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, rata-rata rakyat umum mengatakan bahawa cukai pendapatan yang telah Kerajaan kutip dari pekerja-pekerja makan gaji dari Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan amat membebankan dan seolah-olah 'memberi tangan kanan dan tangan kiri mengaitnya kembali'. Dan ramai individu kolar putih dari Jabatan Kerajaan ataupun Badan Berkanun benar-benar hampa dengan tindakan Kerajaan **ini**, seolah-olah Kerajaan sekarang masih lagi di bawah kuasa Kerajaan penjajah, di mana hal ini memang menjadi kehendak mereka. Lagipun perbezaan amat ketara kerana pakerja-pekerja Kerajaan tidak dapat lari dari cukai pendapatan, tentang perbelanjaan pula tidak dapat ditolak seperti pakai kereta atau rumah dan sebagainya, **ber-**banding dengan pekerja-pekerja swasta yang agak lumayan dan mereka boleh lari dari membayar cukai, kerana semuanya atas urusan syarikat, pakai keretapun kereta syarikat, rumah, perabot dan lain-lain semuanya didaftarkan di bawah hak syarikat. Oleh itu individu ini terlepas dari cukai pendapatan kalau dibandingkan dengan pekerja di pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mencadangkan supaya cukai pendapatan untuk orang-orang Islam dihapuskan, dan diganti dengan zakat pendapatan dan hendaklah ditubuhkan satu Bahagian, atau satu Jabatan di Kementerian Kewangan atau Jabatan Hasil Dalam Negeri, Bahagian Zakat, dan mengambialih semua pentadbiran zakat seluruh negara iaitu dengan ditadbirkan oleh Kerajaan Pusat. Untuk itu perlulah diadakan satu organisasi yang diatur keraas dan licin, tidaklah seperti sekarang, zakat yang ditadbirkan oleh negeri bukan sahaja menyulitkan bahkan rakyat tidak tahu ke mana wang-wang zakat itu dibelanjakan dan kadang-kadang kalau banyak dipersoalkan, akan timbul pula persoalan istana dan sebagainya. Pada hal kalau dinilai

dengan seadil-adilnya pada pandangan saya, maka zakat dan cukai pendapatan adalah perkara yang sama, cuma teknik pelaksanaannya sahaja berlainan, kerana cukai pendapatan adalah ciptaan dan rekaan manusia sedangkan zakat adalah ajaran dan kehendak dari Allah s.w.t kepada hamba-hambanya yang Muslim mengikut nisab dan syarat-syaratnya yang tertentu. Dan dengan ini saya cadangkan kepada Kementerian Kewangan agar kita kembali kepada kehendak dan ajaran Allah s.w.t. kerana ini lebih meyakinkan dari sistem akal rekaan manusia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai ringgit dan matawang asing telah berlarutan, persoalan ini timbul seolah-olah negara kita adalah sebuah negara yang tiada pakar di dalam bidang berkenaan. Walau bagaimanapun alasan yang diberi oleh para Menteri, namun rakyat masih lagi tertanya-tanya apakah kerana hutang negara kita masih banyak, maka menyebabkan matawang kita jatuh atau adakah kerana kecekapan petugas-petugas Kerajaan dalam mengendalikan matawang dunia, maka menyebabkan matawang ringgit kita jatuh. Saya pernah ditertawakan oleh orang-orang luar jiran kita, katanya macam mana matawang ringgit Malaysia maha naik, kalau Menteri dan pentadbir kewangan Malaysia terdiri dari golongan tertentu sahaja.

Saya pun tidak faham apa maksudnya itu dan saya mengira seolah-olah kita tidak benar-benar pandai di dalam mentadbirkan kewangan. Yang demikian saya cadangkan supaya pegawai-pegawai dan siapa sahaja yang bersangkutan dengan Kementerian Kewangan, dihantar menyelidik dan mengkaji untuk khusus menaikkan matawang ringgit kita ke seluruh negara-negara yang berkaitan atau negara-negara yang sesuai supaya bukan sahaja mereka dapat belajar, bahkan mengerti dengan yakin akan

dapat melaksanakannya bila mereka balik bertugas di Malaysia dan dapat menasihati para Menteri untuk berbuat sesuatu bagi tujuan meningkatkan matawang ringgit kita.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pemisahan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dengan BSS amatlah ketara, ini menampakkan kematangan perdagangan, kematangan sebuah negara bagi mencapai tahap yang matang di dalam berurusan dengan perdagangan. Oleh itu besarlah harapan rakyat melihat kepada kemajuan di dalam hal saham ini agar ianya benar-benar mencapai tahap yang boleh dibanggakan. Saham dan perniagaan adalah dua hal yang seiring untuk mencapai kekukuhan ekonomi bagi sesebuah negara.

Begitu juga dalam perkara-perkara lain, sepatutnya kita mencari jalan keluar agar jangan orang lain mendapat isi tetapi kita yang benar-benar berusaha dan membanting tulang hanya mendapat kuahnya sahaja.

Oleh **itu**, saya cadangkan di sini mana-mana perusahaan saham ataupun sebarang perjanjian berbentuk ekonomi dengan Singapura hendaklah dikaji semula dan kalau menguntungkan perlulah ditarik balik supaya jangan diketawakan orang bahawa kita tidak pandai mengendalikan pemerintahan dan tidak pandai mengurus kewangan padahal hasil dan pengeluaran negara kita lebih mantap dari negara tandus yang lain yang hanya menjadi orang tengah tetapi dipujinya begitu menjulang oleh setengah-setengah orang.

Tuan Yang di-Pertua, menilik kepada perkembangan saham yang telah diberi galakan oleh Kerajaan kepada kaum bumiputera yang sekarang ini baru hanya mencapai ke tahap ingin mancuba dan pada dasarnya baru masuk ke tahap ingin tahu dan cuba-cuba menanam modal dalam saham-saham yang dianjurkan oleh Kerajaan. Oleh itu sesuai sekali Amanah Saham Bumiputera diwujudkan untuk orang Melayu bumiputera yang lebih mengenal apakah dia sebenarnya saham. Walau bagaimanapun, bumiputera yang telah menceburkan diri di dalam saham ASN atau Amanah Saham Nasional haruslah ditilik sama, janganlah ditinggalkan begitu sahaja, mentang-mentang ianya telahpun matang kerana teringat saya kepada Amanah Saham MARA dahulu, tetapi sampai ke saat ini orang dan pemimpin-pemimpin pun tidak lagi membicarakan, seolah-olah Amanah Saham MARA itu telah mencapai taraf matang yang

benar-benar mantap. Apa salahnya dinilai sama dan ditilik kembali saham-sahan ini sejauh mana ia telah memberi keuntungan kepada individu bumiputera sampai ke saat ini .

Tuan Yang di-Partua, menyentuh mengenai peserta-peserta Amanah Saham Bumiputera dari ahli-ahli Amanah Saham Nasional, saya mencadangkan bahawa peminjam-peminjam Amanah Saham Nasional dari bank-bank pun diambil kira untuk rnelabur di dalam Amanah Saham Bumiputera sekadar beberapa peratus dari lebihan keuntungan setelah ditolak bayaran kepada bank melalui dividen dan bonus tersebut . Oleh kerana Amanah Saham Bumiputera ini adalah satu perkara baru pula kepada rakyat bumiputera, Tuan Yang di-Pertua, dan masih ramai yang belum begitu menahami secara mendalam, maka dicadangkan supaya pihak yang bertanggungjawab memberi penerangan dan penjelasan yang sejelas-jelasnya kepada rakyat di seluruh negara tentang perkara-perkara yang berkaitan dengannya supaya rakyat tidak keliru apa itu ASN dan apa itu ASB kerana daripada pengetahuan saya yang cetek ini, apabila sahaja Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba mengisytiharkan Amanah Saham Bumiputera baru-baru ini, maka timbul setengah-setengah daripada mereka yang telah membeli Amanah Saham Nasional ataupun ASN hendak menjual saham-saham mereka kerana pada pandangan mereka mungkin ASN akan rugi dan sebagainya, Jadi kalau begitu sampai bilakah tahap 30% yang dikehendaki oleh Kerajaan itu akan tercapai, mungkin 19% yang telah kita capai itu akan berkurangan dan terus berkurangan.

Oleh itu sekali lagi diharapkan berilah penerangan, penjelasan yang sejelas-jelasnya kepada rakyat di seluruh negara sehingga mereka benar-benar faham berhubung dengan kedua-dua saham tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Maksud B.34 - Kementerian Kesihatan yang mana di bawah Kementerian ini diperuntukkan sebanyak \$1,278,135,500 dan peruntukan ini juga agak banyak telah diperuntukkan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, jika ditinjau dari sudut perkhidmatan hospital dan perubatan, nampaknya Kerajaan masih lagi kurang tekanan ke arah menggalakkan syarikat-syarikat di Malaysia mengeluarkan ubat-ubatan ataupun farmasi dari ramuan yang dikeluarkan oleh rakyat Malaysia sendiri. Saya kira bidang ini adalah satu bidang yang sangat menguntungkan dan bahan-bahan di dalam negara kita pun banyak yang telah diketengahkan menjadi unsur-unsur ubat yang memberi kesan yang baik terhadap dunia perubatan sama ada manusia ataupun hidupan liar.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan di sini Kerajaan perlulah menubuhkan satu jabatan khas bagi mengumpulkan pakar-pakar di dalam bidang itu iaitu bidang perubatan dan perlu pula dibuat kaji selidik dan ditubuhkan beberapa jawatankuasa untuk mengumpulkan orang-orang yang tahu ramuan membuat ubat itu bagi mengeluarkan sesuatu jenis ubat yang lebih bermanfaat dari ubat-ubat yang diimport dari luar, kadang-kadang ubat-ubat import itu tidak sesuai dengan keadaan tubuh orang-orang kita. Sebab itulah kadang-kadang ada ubat-ubat yang diberi oleh doktor-doktor itu cepat sembuh dan kadang-kadang pula terdapat juga yang lambat sembuh.

Satu persoalan yang saya ingin kemukakan di sini, adakah juga Kementerian Kesihatan sedar bahawa pentadbiran sesebuah Hospital Besar negeri amat kelim-kabut dan lemah, kakitangannya amat

berkurangan di bahagian Farmasi, kadang-kadang hingga berjam-jam baru seorang pesakit itu mendapat ubat. Sudahlah semasa menunggu kad untuk masuk berjumpa doktor juga berjam-jam, kadang-kadang juga nama-nama untuk X-Ray pesakit-pesakit itu pun boleh hilang dalam sekelip mata. Inilah keadaan ataupun kelemahan-kelemahan yang saya ingin kemukakan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan Maksud B.35 iaitu Kementerian Dalam Negeri yang mendapat peruntukan sebanyak \$90,769,900.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan pimpinan Dato' Seri Dr.Mahathir patut dipuji dan diberi taraf berjaya ke arah keselamatan negara kerana PKM yang begitu angkuh dahulunya telah mula kembali ke pangkal jalan iaitu ingin berdamai dengan membuat perjanjian gencatan senjata pada 2 Disember yang lepas. Rakyat amat mangalukan tujuan baik ini, moga-moga ianya memberikan satu cahaya baru ke arah perpaduan negara yang lebih kukuh. Dengan tiadanya lagi pengacau-pengacau bersenjata, Kerajaan boleh menumpukan sepenuh masanya menjaga kedudukan ekonomi rakyat dan meningkatkan lagi prestasi pengeluaran negara ke arah negara pertanian dan perindustrian yang benar-benar mampu bersaing dengan negara-negara membangun yang lain, bahkan mampu juga barsaing dengan negara-negara maju. Hanya kita perlu menekankan lagi dari segi ketenteraan dan latihan pemuda-pemuda ataupun belia-belie kita untuk menanam semangat cinta-tanahir dengan diberi berbagai-bagai pendedahan ke arah itu melalui pusat-pusat latihan dan kalau perlu diadakan latihan sambil mencari bakat kepada belia-belie dan beliawanis-beliawanis kita

untuk menerjukkan diri mereka di dalam bidang-bidang pertanian desa dan perkampungan tersusun seperti FELDA atau nelayan-nelayan yang tersusun dengan dibentuk sebuah perkampungan nelayan yang tersusun dengan disiapkan segala bentuk punca ekonomi dan perumahan mereka yang teratur dan tersusun kerana melalui keamanan negara kita dapat membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang benar-benar berwibawa dan maju, Namun begitu, kita jangan lupa bahawa walaupun kita tidak lagi ada pegganas komunis tetapi kita masih lagi ada pegganas lain, sama ada pegganas dari dalam dan dari luar. Pegganas dari dalam yang saya maksudkan ialah nafsu dan syaitan, tamak haloba, megah dan sombong, manakala pegganas dari luar ialah memecahbelah perpaduan bangsa melalui berbagai-bagai tipu-helah untuk menghancurkan negara dari dikuasai oleh kita.

Oleh **itu**, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan di sini biarlah anggota-anggota PKM yang hendak kembali ke tanah air itu diletakkan di bawah jagaan dan pengawasan pihak yang berwajib sehingga mereka benar-benar yakin dengan kejayaan bangsa Malaysia sekarang ini dan boleh diharapkan menjadi warganegara yang baik dan dihormati dan janganlah dihampakan harapan keluarga dan mereka sendiri untuk sama-sama menikmati suasana Malaysia yang kita capai sekarang ini. Moga-moga mereka benar-benar insaf dan kembali bertaubat ke pangkal jalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sependapat dengan rakan-rakan iaitu menyentuh mengenai ISA. Kerajaan hendaklah mengekalkan ISA kerana walaupun pengaruh komunis bersenjata telah berakhir, tetapi fahaman-fahaman ke arah itu masih lagi wujud. Pengacau-pengacau dan kongsi-kongsi gelap yang memang menyerap masuk kedalam masyarakat melalui berbagai-bagai aktiviti sosial dan kemasyarakatan serta kadang-kadang politik juga diganggu gugat oleh fahaman yang demikian untuk menjatuhkan dan menghancurkan perpaduan dan kemajuan negara ini. Orang-orang jahat yang tidak boleh disenaraikan di dalam undang-undang bolehlah disenaraikan di dalam ISA demi untuk memberi manfaat, kebaikan dan keharmonian masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Lagipun sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan budaya yang berbagai corak, maka ISA adalah satu kuasa yang benar-benar sesuai bagi menjaga keutuhan perpaduan dan keharmonian negara dan di dalam menyokong ISA diwujudkan dan dikekalkan cuma harapan saya ialah supaya dapat dipinda satu struktur peraturan dan syarat-syaratnya agar sesuai dengan kuasa untuk mempertahankan keamanan dan keharmonian hidup rakyat yang berbilang kaum ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Kementerian, B. 52 - iaitu Kementerian Kerjaraya dan peruntukan yang telah diperuntukan sebanyak \$377,191,000. Melihat kepada perkembangan pembangunan infrastruktru ataupun pembangunan dasar seperti jalanraya maka kadang-kadang kita merasa seolah-olah satu projek yang dijalankan oleh Kerajaan itu kerapkali menemui kegagalan atau sekurang-kurangnya terbantut ditengah jalan. Bila projek hampir siap atau separuh siap oleh kerana ada undang-undang keluar dari projek itu, ada setengah pihak mengatakan barang-barang naik projek rugi, setengahnya mengatakan kerana kontraktor lambat dapat bayaran dari Kerajaan. Kerajaan pula mengatakan kontraktor tidak bayar gaji pekerja, maka pekerja-pekerja lari, lepas satu pasukan ke satu pasukan lain, akhirnya projek tinggal bergelimpangan tanpa siap bila tiba waktunya. Tidakkah kita terasa, melihat, pengusaha-pengusaha kita begitu gigih pada mulanya, sehingga sanggup mengambil hati Pegawai-pegawai Kerajaan yang berurusan di dalam projek ini, kadang-kadang terlampau mengambil hati pegawai-pegawai pula terpaksa diheret ke tempat-tempat maksiat samata-mata atas sifat kawan. Salah satu sebab yang menyuburkan tempat-tempat hiburan dan banyak terjadinya maksiat adalah terdiri dari orang-orang 'business' ataupun peniaga-peniaga yang sengaja menjamu selera pegawai-pegawai atau orang-orang yang bersangkutan dengan perniagaan seperti pegawai-pegawai bank dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, bila memperkatakan mengenai projek tidak siap maka dengan sendirinya terkena kepada kontraktor yang lemah, yang hanya kais pagi petang untuk projek tersebut, tetapi saya kadang-kadang hairan juga sekarang ini banyak sangat jalan-jalan atau

jambatan-jambatan yang dibaiki, tetapi tidak pernah hendak disediakan dibaiki tinggal sekadar itu sahaja. Saya terkilan kerana dua jambatan dekat Sungai Tong, Setiu, Trengganu entah berapa tahun, sejak kebelakangan ini tidak dibaiki, tidak dibuat, maksud saya tetapi tidak diperbaiki. Pakai lampu isyarat konon, tetapi tidak nampak pun pekerja-pekerja membuatnya. Setiap kali saya lalu disitu, barangkali sudah 4 tahun, apakah Menteri berkenaan - tetapi sayang nampaknya tidak ada di sini - apakah Menteri berkenaan masih belum menerima royalty minyak dari Trengganu maka projek ini tidak mahu disiapkan?

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai kata-kata dan iklan-iklan yang berbagai-bagai di tepi jalan, kadang-kadang menyeronokkan dan tidak kurang juga menakutkan dan menggerunkan, terdapat juga yang menggelikan hati. Saya rasa sungguh tertarik dengan kata-kata yang diletakkan di tepi jalan sewaktu kita mengunjungi Mekah ataupun Madinah atau Jeddah di mana ditepi jalan diletakkan perkataan-perkataan zikir iaitulah "Allahuakbar, Alhamdulillah, Subhanallah, Lailahailallah, Muhammadar-rasulullah" dan sebagainya. Ini lebih memberi kita beringat dari kata-kata "Pandu Cermat Jiwa Selamat" kerana perkataan zikir itu sendiri memberi gambaran kepada kita untuk selamat dan sentiasa mengingati Allah di dalam perjalanan mereka. Oleh itu, saya cadangkan di sini supaya pihak yang berkenaan meletakkan lambang zikir di tepi-tepi jalan seperti kalimah-kalimah yang telah saya sebutkan tadi, selain daripada apa yang telah ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, segala pandangan, cadangan dan kritikan saya itu yang saya luahkan ini adalah sebagai kritikan yang membina agar sesuatu itu lebih baik dari apa yang ada sekarang. Dengan **ini**, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu diluluskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay.

5.58 ptg.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memohon izin mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-undang **Perbekalan** bagi tahun 1990 dan juga saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya bersama-sama dengan rakan-rakan saya dalam Dewan **ini**. Sekali lagi saya memberi sokongan penuh atas Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1990.

Selepas meneliti ucapan Belanjawan bagi tahun 1990 yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Datuk Paduka Daim Zainuddin, Menteri Kewangan Malaysia kita, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan kita.

Nampaknya pertumbuhan ekonomi negara yang sedang berkembang pesat dan pelaburan yang meningkat telah mewujudkan ekonomi yang kukuh kepada Kerajaan kita. Untuk mempertingkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara kita, kestabilan politik dalam negara adalah amat penting dan saya menyeru kepada semua pemimpin-pemimpin parti politik supaya sentiasa berwaspada dalam menimbulkan isu-isu perkauman kerana pelabur-pelabur asing amat sensitif terhadap kestabilan politik di negara-negara yang mereka ingin melabur. Saya juga ingin menasihatkan supaya pemimpin-pemimpin parti, terutamanya dalam parti Kerajaan dan juga kepada pergerakan-pergerakan pemuda UMNO, MCA dan parti Barisan Nasional jangan menimbulkan isu-isu yang boleh menyinggung perasaan sesuatu kaum di samping memberikan kesan yang negatif.

Sekiranya ada masalah yang dihadapi maka haruslah diselesaikan melalui semangat Barisan Nasional dengan cara bermusyawarah. Komponen parti dalam Barisan Nasional mestilah sentiasa bersatu padu demi memastikan parti kita lebih kukuh dan mantap untuk menghadapi pelbagai cabaran daripada pihak parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga berasa bangga pertumbuhan ekonomi negara, menurut ucapan Yang Berhormat Dato' Paduka Daim Zainuddin, Menteri Kewangan di mana pendapatan per kapita pada tahun hadapan dijangka akan bertambah kepada \$5,733 dibanding dengan \$5,477 dalam tahun 1989 ini.

Saya telah dapat menikmati pendapatan serta taraf hidup yang lebih tinggi hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang pesat, pertumbuhan ekonomi dalam semua sektor dan sumbangan daripada sektor perkilangan telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 13% dalam tahun 1989 ini. Dan ini memberikan keyakinan pelabur-pelabur negara perindustrian baru seperti Jepun, Taiwan, Hong Kong, Singapura dan lain-lain untuk mereka melabur dan menempat semula pelaburan mereka berdasarkan kepada insentif serta kemudahan yang ada di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini pihak Kerajaan hendak meningkatkan kemudahan infrastruktur seperti memperbesarkan jalan raya dan juga pelabuhan dan lain-lain, kerana sistem infrastruktur

yang baik adalah penting untuk meningkatkan kecekapan dan daya saingan ekonomi negara juga pentadbiran Kerajaan, juga pentadbiran daripada semua jabatan-jabatan Kerajaan terpaksa meningkatkan kecekapan.

Tuan Yang di-Partua, namun begitu antara masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur serta pekilang-pekilang untuk mengeksportkan barangan mereka, mereka sentiasa mengadu kepada kami iaitu perkhidmatan kontena yang kini berada di negara kita ini telah di-monopoli dan bayaran haulage, bayaran untuk tunda menunda perkhidmatan kontena masih tinggi lagi. Jika ini dibanding dengan negara jiran, walaupun pihak Kerajaan telah membenarkan tiga buah syarikat perkhidmatan kontena yang sedia ini bersaing di seluruh negara tetapi kadar haulage masih tinggi dan belum nampak ada kekurangan bayaran yang dikenakan, oleh itu pihak Kerajaan harus membuat satu kajian yang teliti dan jika perlu harus membenarkan lebih banyak syarikat untuk menjalankan perkhidmatan kontena di negara kita supaya perkhidmatan kontena ini akan berkhidmat dengan lebih cekap dan juga dengan kadar bayaran haulage yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini di Negeri Melaka, Kerajaan telah berusaha untuk menarik pelabur-pelabur asing dan juga pelabur-pelabur tempatan. Kami telah mendapatkan sambutan yang baik daripada pelabur-pelabur asing. Kini pelabur-pelabur dan pekilang-pekilang yang ada di Melaka ini telah menghadapi masalah perkhidmatan kontena yang mana kerana pihak Syarikat Kontena Nasional tidak ada pejabat di Melaka, maka seseorang pekilang yang ingin mengeksportkan barangan mereka terpaksa mendapatkan perkhidmatan, kontena daripada Kontena Nasional Berhad menghantarkan kontena dari-

pada Port Kelang ke Melaka. Ia bukan sahaja memakan masa yang panjang juga mengenakan bayaran haulage yang tinggi. Oleh yang demikian, kami telah merayu kepada Kerajaan pusat dan berharap supaya satu kontena depot diwujudkan di Melaka supaya meningkatkan perkhidmatan dan mengurangkan bayaran haulage dan secara langsung akan dapat membantu pengeksport-engeksport dan pekilang-pekilang mengurangkan pengeluaran pembiayaan kos mereka.

Tahun 1989 kami telah mendapat \$362 juta pelaburan bagi tahun **ini**. Melaka telah dapat mewujudkan 7,447 peluang pekerjaan. Dan kami berharap tahun depan akan mendapatkan pelaburan yang lebih besar dan akan mewujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan.

Di Melaka pada masa sekarang kami tidak menghadapi kekurangan pekerja, kerana mengikut laporan dan kajian daripada Jabatan Pendidikan, pada tiap-tiap tahun murid sekolah menengah yang lepas daripada SRP dan SPM di Melaka adalah lebih kurang 20,000 pemuda pemudi. Dan pada masa sekarang ini di Melaka cuma ada 23,000 pekerja-pekerja yang sedang bekerja di kilang-kilang yang berada di dalam tujuh kawasan perindustrian kepunyaan PKNM. Oleh itu pihak Kerajaan Melaka perlu mewujudkan tiap-tiap tahun sekurang-kurangnya lebih kurang 10,000 peluang pekerjaan untuk menghadapi kadar pengangguran yang masih tinggi lebih kurang 8%.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pertumbuhan ekonomi dan menarik pelaburan maka seperti yang saya sebut tadi iaitu infrastruktur adalah amat penting dan kalau menurut ucapan daripada Yang Berhormat Dato' Paduka Daim Zainuddin, Menteri Kewangan, Kerajaan akan melaksanakan sejumlah 126 projek dalam tahun 1990 pagi memperbaiki dan menambahkan kemudahan infrastruktur yang ada serta membina

kemudahan-kemudahan baru untuk menemui kehendak sektor perindustrian yang berkembang. Projek-projek ini meliputi jalan raya, lebuh raya, pelabuhan, lapangan terbang serta bekalan elektrik, air dan lain-lain. Sejumlah \$2,858 juta telah diperuntukkan.

Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya suka mengambil kesempatan ini merayu kepada Kerajaan Pusat berhubung dengan projek memperelokkan jalan di dalam Negeri Melaka iaitu ada empat buah projek bagi tahun 1990 yang perlu dilaksanakan. Kerajaan Melaka telah berkali-kali merayu kepada Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Kerjaraya untuk 4 projek yang akan saya sebut nanti tetapi malangnya pada tahun 1989 ini cuma \$10 token yang telah **ter**-sebut dalam peruntukan dan kami tidak dapat melaksanakan projek yang akan saya sebut nanti.

Kami mengambil berat tentang empat projek ini kerana keempat-empat projek memperelokkan jalan ini adalah amat penting untuk Melaka .

Projek yang pertama ialah memperelokkan Jalan Melaka ke Kendong dari Batu 2.2 ke Batu 15¹/₂ yang mana kami telah memohon lebih kurang \$10.8 juta.

Projek yang kedua ialah memperelokkan Jalan Pekeliling Bandar Melaka yang kami memohon lebih kurang \$54 juta.

Projek yang ketiga ialah memperelokkan Jalan Melaka ke Muar dari Baru 2 ke Batu 20 yang mana kami telah memohon kepada Kementerian Kerjaraya \$31 juta.

Projek yang keempat iaitu memperelokkan Jalan Melaka ke Lubok Cina dari Batu 7¹/₂ ke Batu 24, yang memohon lebih kurang \$26.1 juta.

Keempat-empat projek yang kami mohon ini adalah penting untuk Melaka untuk menyelesaikan dan mengatasi kesesakan lalulintas yang ada dalam bandar, khususnya Jalan Pekelilingan Bandar Melaka,

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua maklum bahawa Melaka adalah bandaraya yang bersejarah yang mana bandar kita sebagai bandaraya bersejarah yang mempunyai jalan-jalan yang sempit, lagi pun pada tahun depan pihak PETRONAS akan melaksanakan projek kilang penapis minyak. Maka sekiranya jalan-jalan yang saya sebut tadi tidak dibesarkan, kemungkinan kita akan menghadapi masalah kesesakan lalulintas di Bandar Melaka. Oleh yang demikian, saya bagi pihak semua rakyat Melaka merayu kepada Kementerian Kerjaraya dan juga Kementerian Kewangan pada tahun depan akan memberi peruntukan yang kami mohon ini dan harap jangan memberikan token \$10 lagi dalam budget yang akan datang supaya kita dapat melaksanakan projek ini dengan seberapa cepat yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, kami juga memerlukan peruntukan untuk membesarkan landasan lapangan terbang di Batu Berendam. Kalau sekiranya Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pernah ke Melaka, ada setengah-setengah pihak tidak tahu pada hari ini Melaka ada sebuah lapangan terbang, kerana lapangan terbang ini adalah lapangan tarbang yang lama yang perlu diperbesarkan supaya boleh membenarkan lebih banyak kapal terbang untuk mendarat dan juga di samping memberi kemudahan pengangkutan udara. Buat masa kini cuma hanya mengadakan perkhidmatan kapal terbang daripada Singapura ke Melaka dan Melaka ke Singapura oleh Syarikat Pelangi Air. Oleh itu, Kerajaan Melaka dan juga rakyat Melaka sangat berharap dan berhasrat

supaya Kerajaan Pusat akan memberi bantuan memperbesarkan Lapangan Terbang Batu Berendam dan membantu kami mengadakan perhubungan yang lebih rapat dengan luar supaya pada tahun depan Tahun Melawat Malaysia lebih ramai lagi pelancong-pelancong akan menggunakan lapangan terbang ini untuk mendarat dan melawat bandaraya bersejarah Melaka ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara dalam tempoh 3 tahun yang lalu telah menambahkan peluang pekerjaan. Saya juga mengambil kesempatan ini suka menasihatkan khususnya belia dan beliawanis supaya jangan memilih sangat pekerjaan yang dipohon, kerana dengan adanya kilang-kilang di negara ini akan dapat memberikan pekerjaan serta kemahiran dalam bidang-bidang tertentu, Kami telah mendapat maklumbalas kerana ada setengah-setengah belia dan beliawanis tidak sanggup bekerja di dalam kilang. Kebanyakan belia-belie dan beliawanis-beliawanis memohon supaya mendapatkan jawatan perkeranian.

Baru-baru ini Kerajaan Negeri Melaka, iaitu. pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka telah membuat satu kajian dengan mengeluarkan, borang-borang permohonan pekerjaan, juga melalui suratkhbar-suratkhbar membuat iklan. Kami telah mendapat sambutan baik. Pada masa kini kami telah menerima lebih kurang 4,000 borang permohonan daripada belia-belie dan beliawanis-beliawanis yang ingin memohon pekerjaan, tetapi dalam permohonan mereka boleh dikatakan kebanyakan adalah kepada pemohon-pemohon yang ingin mendapatkan jawatan perkeranian, maklum bahawa jawatan ataupun peluang di bawah jawatan perkeranian adalah terhad. Maka kami suka merayu dan menyeru kepada pemuda-pemudi kita supaya jangan sangat memilih pekerjaan. Walaupun kerja perkeranian kalau dibanding dengan bekerja di kilang tidak begitu penat, tetapi bekerja di dalam kilang pemuda-pemudi akan

mendapat belajar kemahiran di dalam bidang pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyebut sejak tahun 1986 Kerajaan telah membelanjakan sebanyak \$64.3 juta untuk Skim Khidmat Sambilan dan untuk tahun 1990 Kerajaan akan memperuntukkan lebih kurang \$17 juta untuk skim tersebut. Dalam hubungan ini kita dapati bahawa Kerajaan telah membelanjakan jumlah yang besar dan saya menggesa pihak Kerajaan bahawa sudah sampainya Kerajaan membuat satu banciaan terhadap para siswazah yang menganggur dan juga keberkesanan kawujudan skim tersebut. Dan juga pada para siswazah sepatutnya mengubah sikap mereka untuk mengisi kekosongan pekerjaan di kilang-kilang yang ada bersesuaian dengan jurusan mereka sungguhpun kemungkinan kadar pendapatan di dalam kilang agak kurang sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada peluang pekerjaan, di sini saya suka sentuh sedikit berkenaan dengan bidang pendidikan. Kerajaan harus memberi peruntukan yang lebih kepada sekolah-sekolah jenis bantuan modal kerana sekolah-sekolah tersebut memerlukan peruntukan untuk membina serta membaiki bangunan-bangunan sekolah. Dalam konteks **ini**, saya ingin menggunakan Dewan yang mulia ini meminta dan menarik perhatian kepada janji yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan sewaktu beliau melawat ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, Jasin, iaitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Yook Shean, Jasin pada tahun yang lepas.

Pada masa Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita melawat ke Jasin bahawa semua pihak termasuk ibubapa-ibubapa, orang-orang kenamaan dan murid-murid sekolah telah memberi sambutan yang begitu baik dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa lawatan pun telah

mengumumkan bahawa akan memberi sumbangan sebanyak \$50,000 untuk projek pembangunan sekolah dan apabila pihak Lembaga Pengurusan Sekolah dan pihak PIBG telah mendapat pengumuman perjanjian daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, maka sekolah pun terus memohon kelulusan pelan bangunan sekolah dan terus melaksanakan projek tersebut. Projek pembangunan pembinaan bilik-bilik darjah pun telah siap dibina, tetapi malangnya peruntukan tersebut tidak ditunaikan sehingga hari **ini**. Jadi kemungkinan pengumuman daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan samasa melawat Melaka itu sebagai satu insentif ataupun sumbangan kepada sekolah yang saya sebut tadi. Tetapi saya timbulkan dalam Dewan ini bukan kerana hendak menjejaskan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Sebenarnya Yang Berhormat Menteri Pendidikan adalah sahabat saya juga, tetapi saya juga ingin menyampaikan maklumbalas yang kami dapat baru-baru ini yang mana apabila kami mengadakan dialog dengan penduduk-penduduk tempatan di Jasin, seringkali mereka menimbulkan masalah ini yang mana imej Kerajaan kita, imej Parti Barisan Nasional telah sedikit sebanyak dijejaskan dengan janji yang disebut ini.

Datuk Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon penjelasan. Apa yang telah dikatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Ng, apakah peruntukan itu belum ditunaikan atau belum ditunaikan lagi kerana berbeza 'belum ditunaikan' dengan 'belum ditunaikan lagi'. Yang mana satu yang hendak ditunjukkan?

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Belum ditunaikan lagi - belum diberi, jadi maksud saya yang saya sebutkan dalam Dewan ini iaitu Yang Berhormat Menteri Pendidikan telahpun umumkan dan semua pihak telah tahu dan Yang Berhormat pun sudah bersetuju pada masa itu bahawa peruntukan ini akan diberi. Tetapi sehingga hari ini, peruntukan sejumlah \$50,000 ini belum dapat diperolehi oleh pihak sekolah. Saya tidak tahu sama ada atau tidak, oleh yang demikian, saya timbulkan dalam Dewan yang mulia ini dan saya harap pada masa menggulung Rang Undang-undang ini, pihak Kementerian Pendidikan akan memberi jawapan dan penjelasan. Tujuan saya membawa perkara ini adalah kerana kita hendak satu penjelasan. Kalau peruntukan itu telah diadakan dan akan diberi pada masa akan datang, kami juga berharap Kementerian Pendidikan akan membuat satu penjelasan kerana kita tidak mahu perkara ini digunakan oleh pihak-pihak yang tertentu khususnya pihak-pihak Pembangkang menjadikannya sebagai satu isu dalam pilihanraya akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, kami juga mendapat aduan daripada sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Sin Wah di Durian Tunggal yang telah ditimpa bencana alam, dipukul ribut hingga mengakibatkan sebahagian bangunan sekolah tersebut telah runtuh. Pihak sekolah di bawah nasihat Jabatan Pendidikan Melaka telah memohon kepada Kementerian Pendidikan untuk diberi peruntukan

sebanyak \$200,00 untuk membina satu bangunan dua tingkat mengandungi empat bilik darjah, sebuah bilik guru, sebuah bilik pusat sumber dan lain-lain. Projek ini perlu dilaksanakan dengan segera kerana murid-murid sekolah tersebut tidak mempunyai tempat yang sesuai,

Saya pun pernah melawat sekolah ini bersama dengan Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Parlimen ini, tetapi hari ini saya merasa kecewa kerana telah menunggu selama lapan bulan, tidak ada bantuan daripada pihak Kementerian Pendidikan diberi untuk mengatasi masalah ini. Kita bertuah kerana usaha ibubapa murid-murid sekolah tersebut yang telah dengan secara sukarela dan dengan secara gotong-royong membina dua buah bilik darjah sementara untuk mengatasi masalah tersebut buat sementara. Saya juga berharap pihak Kementerian Pendidikan akan membuat penjelasan dalam Dewan ini berkenaan dengan permohonan \$200,000 yang perlu diberikan dengan segera untuk mengatasi masalah keruntuhan bangunan sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendapati beberapa buah sekolah bantuan modal lain yang memerlukan bantuan serta peruntukan, daripada pihak Kementerian Pendidikan, khususnya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Jasin Lanang yang mana pada masa kini murid-murid daripada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Jasin Lanang terpaksa berkongsi bilik darjah dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil-Jasin Lanang. Walaupun pihak sekolah yang mana saya telah dimaklumkan telah membuat permohonan untuk membina sekolah baru, tetapi sehingga kini tidak ada apa-apa tindakan daripada pihak Kementerian. Jabatan Pendidikan Melaka telah pun memberi sokongan untuk memohon sebanyak \$100,000 peruntukan untuk membina bilik darjah ataupun bangunan sekolah yang baru untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Jasin Lanang, tetapi sehingga hari ini belum dapat jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan kepada Dewan supaya Kementerian Pendidikan membuat satu bancian keperluan pembinaan ataupun pembangunan bilik-bilik darjah bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara kerana ini adalah penting dan dengan adanya bancian ini, Kementerian Pendidikan akan dapat mengagihkan bilangan murid dalam tiap-tiap satu darjah dengan sama-rata dan juga mengatasi masalah pembahagian peruntukan kepada sekolah-sekolah yang pada masa kini masih tidak seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka menyentuh sedikit mengenai satu perkara dalam bidang pelancongan. Sempena Tahun Melawat Malaysia 1990, Kerajaan telah berusaha dengan begitu gigih dan ini merupakan usaha yang menggalakkan. Saya ingin menimbulkan beberapa masalah untuk perhatian Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan untuk kebaikan keseluruhan negara kita. Saya mendapati bahawa masih ramai pengemis-pengemis berkeliaran di bandar-bandar, misalnya, di restoran-restoran. Baru-baru ini kami mendapati ada segelintir pengemis yang saya sifatkan 'pengemis modern' yang mana terutamanya orang-orang cacat penglihatan telah digunakan untuk menjual tiket-tiket loteri dan barang-barang di tempat-tempat pelancongan dan restoran-restoran. Mereka ini telah mengganggu dan memaksa pelancong-pelancong untuk membeli barang-barang jualan mereka ini dan ini dengan cara tidak langsung telah sedikit sebanyak menjejaskan imej negara kita dan menimbulkan keadaan tidak selesa kepada pelancong-pelancong asing. Kami mengesyaki orang-orang cacat ini telah digunakan oleh satu sendikit untuk menjalankan kegiatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya Kementerian Kebajikan menambahkan pegawai-pegawai penguat-

kuasa untuk bertindak menghapuskan segala kegiatan yang tidak sihat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan pada petang ini mengucapkan tahniah kepada pihak Polis Diraja Malaysia kerana telah menubuhkan satu unit pelancongan di tiap-tiap negeri untuk mengawal keselamatan pelancong-pelancong, khususnya pelancong-pelancong asing. Baru-baru ini saya telah terbaca satu laporan di Taipei iaitu dua bulan yang lepas berkenaan dengan satu perkara yang menjejaskan nama baik dan imej negara kita. Ini adalah berkenaan dengan sekumpulan pelancong dari Taiwan yang telah melawat ke Kuala Lumpur, ke negara kita pada awal tahun ini, dan mereka telah dirompak sewaktu melawat di salah sebuah pusat membeli-belah di Kuala Lumpur. Menurut laporan yang saya baca, ada lebih kurang 20 lebih pelancong-pelancong daripada Taiwan di bawah iringan seorang pemandu pelancong semasa melawat pusat membeli-belah di Kuala Lumpur telah dirompak. Maka berita ini telah dibawa balik ke Taipei dan ada setengah-setengah pihak yang tidak bertanggungjawab telah memutar-belitkan cerita yang sebenarnya berlaku di Malaysia dan ini telah menjadi.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.